

**ASPEK-ASPEK PSIKOLOGI YANG TERKANDUNG  
DI DALAM KOMIK UPIN DAN IPIN:  
KERIS SIAMANG TUNGGAL**

**MUHAMAD HANIFF HILMAN BIN ROSNARTA**

UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN

**IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN**

**2024**



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**ASPEK-ASPEK PSIKOLOGI YANG TERKANDUNG DI  
DALAM KOMIK UPIN DAN IPIN:  
KERIS SIAMANG TUNGGAL**

**MUHAMAD HANIFF HILMAN BIN ROSNARTA  
(C20A1071)**

Tesis yang dikemukakan adalah untuk memenuhi sebahagian daripada syarat memperolehi Ijazah Sarjana Muda (Pengajian Warisan) dengan Kepujian

**Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan Universiti Malaysia  
Kelantan**

**FEBRUARI 2024**

# PENGESAHAN TESIS

## PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

- |                                     |         |   |
|-------------------------------------|---------|---|
| <input checked="" type="checkbox"/> | TERBUKA | Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)  |
| <input type="checkbox"/>            | SEKATAN | Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah |
| <input type="checkbox"/>            | SULIT   | Dari tarikh _____ sehingga _____<br>(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)  |
| <input type="checkbox"/>            | TERHAD  | (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)   |

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan Pelajar

Tandatangan Penyelia

Nama Pelajar: MUHAMAD HANIFF HILMAN BIN ROSNARTA  
No. Kad Pengenalan: 000817012111  
Tarikh : 13 FEBRUARI 2024

Nama Penyelia: SUDIRMAN BIN KIFFLI  
Tarikh: 16 FEBRUARI 2024

## PENGHARGAAN

Dengan ungkapan Bismillahirrahmanirrahim menyebut Nama Allah S.W.T. yang Maha Pengasih lagi Maha Mengasihani.

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi di atas limpah dan kurnia-Nya yang telah mempermudahkan segalanya untuk saya melaksanakan kajian penyelidikan saya yang berjudul Aspek-Aspek Psikologi yang Terkandung Di Dalam Komik Upin Dan Ipin : Keris Siamang Tunggal melalui pengaplikasian Teori Psikologi dengan jayanya bagi memenuhi syarat Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan Kepujian dalam jurusan bidang Kesusasteraan Warisan.

Sekalung penghargaan dan ribuan terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan kepada pensyarah yang bertindak selaku penyelia saya iaitu Encik Sudirman Bin Kiffli yang penuh komited dan sabar dalam membantu dan membimbing saya untuk menyempurnakan kajian penyelidikan ini. Semoga beliau sentiasa berada dalam jagaan dan lindungan Allah yang Maha Esa. Tidak dilupakan juga, setinggi-setinggi penghargaan kepada penulis buku di bawah kendalian syarikat LES COPAQUE PRODUCTION SDN.BHD kerana telah menerbitkan komik Upin dan Ipin Keris Siamang Tunggal yang memberikan kemudahan kepada saya untuk menyempurnakan kajian ini.

Di kesempatan ini, saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada ibu bapa saya yang telah banyak mendoakan saya serta memberikan sokongan, dorongan dan semangat kepada saya sepanjang menjalankan kajian ini. Saya juga ingin berterima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak memberi kerjasama, sokongan dan nasihat kepada saya untuk menyiapkan kajian penyelidikan ini. Segala jasa dan pengorbanan yang dilakukan akan saya ingati dan semoga semuanya dibalas dengan kebaikan jua.

Sekian, terima kasih.

Muhamad Haniff Hilman Bin Rosnarta

13 Februari 2024

4 Syaaban 1445 H

## Senarai Kandungan

BIL	PERKARA	HALAMAN
	<b>PERAKUAN</b>	i
	<b>PENGHARGAAN</b>	ii
	<b>KANDUNGAN</b>	iii
	<b>ABSTRAK</b>	ix
	<b>ABSTRACT</b>	x
	<b>PENDAHULUAN</b>	1
<b>BAB 1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	1
1.0	Pengenalan	1
1.1	Latar Belakang Kajian	4
1.2	Permasalahan Kajian	5
1.3	Persoalan Kajian	7
1.4	Objektif Kajian	7
1.5	Batasan Kajian	8
1.6	Kepentingan Kajian	9
1.7	Metodologi Kajian	10
1.8	Kesimpulan	16
1.9	Organisasi Kajian	17
<b>BAB 2</b>	<b>SOROTAN KAJIAN LEPAS</b>	19
2.0	Pengenalan	19
	2.1.1 Komik Dalam Konteks Definisi Dan Konsep	19
	2.1.2 Konsep Psikologi Dalam Komik	22
	2.1.3 Animasi Filem Kanak-Kanak	31
2.2	Kesimpulan	33
<b>BAB 3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	34
3.0	Pengenalan	34
3.1	Reka Bentuk Kajian	35
	3.1.1 Kaedah Kualitatif	36
	3.1.2 Kaedah Analisis Teks	36
	3.1.3 Kaedah Kepustakaan	37
	3.1.4 Kaedah Internet	37
3.2	Penerapan Teori Psikologi Kanak-Kanak	38
	3.2.1 Kelas-Kelas Usia Kanak-Kanak Yang Dipelopori Oleh Jean Piaget	39
	i. Peringkat Sensorimotor(Sehingga 2 Tahun)	40
	ii Peringkat Pra Operasi(2 Hingga 7 Tahun)	40
	iii Peringkat Operasi Konkrit(7 Hingga 11 Tahun)	40
	iv Peringkat Operasi Formal(12 Tahun Keatas)	41
	3.2.2 Kesan-Kesan Psikologi Kanak-Kanak	42
	i Emosi Kanak-Kanak	42
	ii Pemikiran Kanak-Kanak	43
	iii Kelakuan Kanak-Kanak	44
3.3	Kerangka Konseptual	45

3.4	Kesimpulan	46
<b>BAB 4</b>	<b>ANALISIS KAJIAN</b>	<b>47</b>
4.0	Pengenalan	47
4.1	Analisis Kajian	
4.2	Konsep Sensorimotor	49
	Psikologi Sensorimotor Kanak-Kanak	
	Terhadap Komik Upin Dan Ipin Keris Siamang Tunggal	49
4.2.1	Memperkenalkan Kanak-Kanak Unsur Bunyi Terhadap Tindak Balas Mereka	51
4.2.2	Memberikan Pendedahan Awal Ilmu Asas Terhadap Kanak-Kanak	52
4.2.3	Menerapkan Nilai-Nilai Murni Dan Contoh Teladan Yang Baik	53
4.3	Konsep Pra-Operasi	54
	Psikologi Pra-Operasi Kanak-Kanak Terhadap Komik Upin dan Ipin Keris Siamang Tunggal	54
4.3.1	Mempelajari Paparan Yang Dilihat Oleh Mata Mereka	55
4.3.2	Melatih Perkembangan Berbahasa Kanak-Kanak Secara Berperingkat	56
4.3.3	Menerapkan Kebolehan Sosial Kanak-Kanak	57
4.4	Konsep Operasi Konkrit	57
	Psikologi Operasi Konkrit Kanak-Kanak Terhadap Komik Upin dan Ipin Keris Siamang Tunggal	57
4.4.1	Menggalakkan Kanak-Kanak Mengenal Rupa, Bentuk, Dan Warna	58
4.4.2	Mempamerkan Teks-Teks Yang Mengandungi Ilmu Pengetahuan	59
4.4.3	Mendorong Kanak-Kanak Mengingati Sesuatu Perkara	60
4.5	Konsep Operasi Formal	61
	Psikologi Operasi Formal Kanak-Kanak Terhadap Komik Upin dan Ipin Keris Siamang Tunggal	61
4.5.1	Melahirkan Kanak-Kanak Yang Berkehendak dan Berkeyakinan	62
4.5.2	Memahami Sesuatu Perkara Dengan Hadirnya Perasaan Dalam Diri	63
4.5.3	Melatih Penggunaan Bahasa Yang Betul	64
4.6	Pengenalan	65
4.7	Analisis Pemikiran Kanak-Kanak Selepas Membaca Komik Upin Dan Ipin Keris Siamang Tunggal	66

4.7.1	Pemikiran Kanak-Kanak Dalam Aspek Nilai	67
4.7.2	Keberanian Menempuh Cabaran	69
4.7.3	Wujud Rasa Belas Kasihan	72
4.7.4	Sikap Baik Hati	75
4.7.5	Konsep Keadilan	77
4.7.6	Melahirkan Semangat Setia Kawan	79
4.7.7	Pembentukan Konsep Kendiri	82
4.7.8	Amanah Dalam Menjalankan Tugas	84
4.7.9	Memupuk Kerajinan Dalam Diri	86
4.7.10	Rasa Kasih Sayang	89
4.8	Kesimpulan	91
<b>BAB 5 RUMUSAN</b>		92
5.0	Pengenalan	92
5.1	Rumusan	93
5.3	Cadangan	95
5.4	Penutup	99
<b>RUJUKAN BIBLIOGRAFI</b>		102

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

Kandungan

<b>JADUAL</b>	<b>HALAMAN</b>
Jadual 1: Jadual Kelas Usia 4 Tahap Perkembangan kanak-kanak	9

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

Kandungan

**RAJAH**

**HALAMAN**

Rajah 1: Kerangka Teori Psikologi Kanak-Kanak Oleh Jean Piaget	12
Rajah 2: Kerangka Teori Psikologi Kanak-Kanak Oleh Jean Piaget	45

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## Kandungan

	<b>GAMBAR</b>	<b>HALAMAN</b>
	Gambar 1  Teks contoh komik masyarakat tempatan	3
	Gambar 2  Teks watak-watak utama komik Upin dan Ipin  Keris Siamang Tunggal	48
	Gambar 3  Teks Pemikiran kanak-kanak terhadap nilai	67
	Gambar 4  Teks keberanian menempuh cabaran	70
	Gambar 5  Teks rasa belas kasihan	72
	Gambar 6  Teks baik hati	75
	Gambar 7  Teks Konsep keadilan	77
	Gambar 8  Teks semangat setia kawan	79
	Gambar 9  Teks konsep pembentukan kendiri	82
	Gambar 10  Teks sikap amanah dalam melaksanakan tugas	84
	Gambar 11	86

	Teks memupuk kerajinan dalam diri	
	Gambar 12 Teks rasa kasih sayang	89



UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## Aspek-Aspek Psikologi Yang Terkandung Di Dalam Komik Upin Dan Ipin : Keris Siamang Tunggal

### ABSTRAK

Komik adalah alat sastera berbentuk grafik yang semakin mendapat perhatian oleh seluruh masyarakat khususnya golongan belia. Komik boleh dikatakan sebagai platform terbaik bagi mempamerkan hasil seni menerusi sistem penulisan kreatif. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif iaitu kaedah kepustakaan dan menggunakan komik *Upin dan Ipin Keris Siamang Tunggal* sebagai rujukan teks yang dianalisis secara deskriptif. Kajian ini dibuat dengan adanya panduan teori psikologi dengan memperlihatkan aspek emosi, pemikiran dan kelakuan terhadap kanak-kanak. Pengkaji meneliti bahawa kelas-kelas usia kanak-kanak yang ada dalam pendekatan psikologi amat sesuai dengan bahan bacaan *Upin dan Ipin Keris Siamang Tunggal* dengan menerapkan unsur-unsur nilai murni yang diperolehi. Oleh itu, Teori psikologi dipilih dan bersesuaian dengan tajuk kajian bagi mengupas aspek-aspek psikologi yang terkandung di dalam komik *Upin dan Ipin Keris Siamang Tunggal*. Menerusi sorotan kajian lepas mengenai aspek-aspek psikologi masih terdapat kelopongan daripada pengkaji lepas menerusi penggunaan komik sebagai bahan bacaan terhadap kanak-kanak. Dengan itu, objektif utama dalam penyelidikan ini ialah untuk mengenal pasti ciri-ciri psikologi kanak-kanak dalam komik *Upin dan Ipin Keris Siamang Tunggal* dan Menganalisis Pemikiran Kanak-Kanak Menerusi teks bacaan tersebut. Hasil dapatan kajian ini, pengkaji telah menemukan beberapa tahap perkembangan usia kanak-kanak serta kesan pemikiran yang dipertonjolkan dengan mempamerkan nilai-nilai murni menerusi bacaan yang dilakukan seperti semangat setia kawan, rasa kasih sayang, sikap baik hati, konsep keadilan, dan rasa belas kasihan. Justeru itu, nilai-nilai murni yang terkandung di dalam Komik *Upin dan Ipin Keris Siamang Tunggal* ini dapat menjamin tahap keberkesanan kanak-kanak dengan tahap perkembangan psikologi yang baik mengikut kelas-kelas usia mereka.

**Kata Kunci:** nilai murni, kelas usia kanak-kanak, perkembangan kanak-kanak

Teori Psikologi,

***Psychological Aspects Contained In Upin And Ipin Comics : Keris Siamang Tunggal******ABSTRACT***

Comics are literary tools in the form of graphics that are getting more attention from the whole society, especially from the youth. Comics can be said to be the best platform to showcase art through a creative writing system. This study uses a qualitative design which is the bibliographic method and uses *Upin and Ipin Keris Siamang Tunggal* comic as a text reference which is analyzed descriptively. This study was made with the guidance of psychological theory by showing aspects of emotions, thoughts and behavior towards children. The researcher examines that the children's age classes in the psychological approach are very suitable with *Upin and Ipin Keris Siamang Tunggal* reading materials by applying the elements of pure values obtained. Therefore, psychological aspects contained in the *Upin and Ipin Keris Siamang Tunggal* comics. Through the highlights of past research on psychological aspects, there is still a gap from past researches through the use of comics as reading material for children. With that, the main objective in this research is to identify the psychological characteristics of children in the *Upin and Ipin Keris Siamang Tunggal* comic and to analyze the children's thoughtss through the reading text. The results of this study, the researcher has found several levels of children's age development as well as the effects of thinking that are highlighted by displaying noble values through reading such as the loyalty of friends, love, kindness, the concept of justice, and compassion. Therefore, the noble values contained in this *Upin and Ipin Keris Siamang Tunggal* comic can guarantee the level of effectiveness of children with a good level of psychological development according to their age classes.

**Keywords:** child age class, child development pure values, Psychological Theory,

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.0 Pengenalan

Komik boleh dikatakan sebagai platform terbaik bagi mempamerkan hasil seni menerusi sistem penulisan kreatif. Komik adalah alat pembacaan berbentuk grafik yang semakin mendapat perhatian oleh seluruh masyarakat khususnya dari golongan belia. Hal ini dikatakan demikian kerana penggunaan komik sudah diketahui mampu mencapai objektif untuk menyampaikan mesej terhadap pembaca yang membacanya dengan kaedah yang pantas. Penghasilan komik ini memerlukan daya fikiran yang kritis dan juga kreatif agar ianya boleh difahami dan diamati secara kolektif. Menurut M.S. Gumelar (2011:7) memperkatakan komik ialah suatu urutan-urutan gambar yang sudah ditata sesuai dengan matlamatnya dan berkaitan filosofi penulisnya. Dalam pada itu, Scott McCloud (2002:9) pula menyatakan komik sebagai kumpulan gambar dengan adanya fungsi menyampaikan sesuatu mesej dan informasi untuk menghasilkan reaksi seperti estetik kepada peminat yang suka membacanya. Seterusnya sekuruh teks kisahnya disusun rapi dan saling berhubungan antara gambar (lambang visual) dengan kata-kata (lambang-lambang verbal) yang ingin disampaikan oleh penulis.

Pada zaman yang serba moden ini, Malaysia sudah banyak mengeluarkan hasil-hasil karya berbentuk komik dan berjaya mendapat sambutan khalayak. Boleh dikatakan industri komik ini diciptakan serta dibangunkan oleh para pelukis yang bijak menggunakan medium watak dan budaya tempatan dalam usaha menyampaikan mesej secara kreatif. Malaysia mempunyai pelopor kepada kemahiran pembuatan komik iaitu Datuk Mohammad Nor Mohammad Khalid yang merupakan seorang artisan yang tersohor. Beliau bijak menggunakan karakter ataupun watak dalam penceritaannya iaitu

kita dapat lihat menerusi Komik Lat. Sebenarnya komik bertajuk Lat ini dikenali dengan animasi kartunis yang terkenal di Malaysia yang dinamakan sebagai Kampung Boy. Setiap gambar ataupun watak yang dilukis berdasarkan kepada realiti yang berlaku termasuklah terhadap konteks budaya tempatan. Kartun adalah genre teks multimodaliti kerana menyampaikan bentuk cerita yang diperoleh dengan membaca dan melihat kedua-dua elemen iaitu bahasa dan visual kerana ia amat berkait rapat dalam menyempurnakan sesuatu makna teks (Moya dan Pinar, 2008).

Kombinasi antara perkataan dan gambar dalam karya kartun sememangnya berjaya mencuit perhatian kanak-kanak mahupun golongan dewasa. Secara amnya, peranan komik ini untuk memberikan mesej dan kesedaran tetapi memasukkan elemen komedi, hiburan yang membawa kepada keseronokan pembaca yang membaca sesuatu komik itu. Keberkesanannya idea kartun ini menjadi teras wahana dalam penyebaran maklumat dan isu-isu semasa. Ia memberikan hiburan bersifat multimodaliti yang terkandung di dalam penulisan komik yang dikarang. Kini di Malaysia, kartun selalu dilihat sebagai hiburan bagi kanak-kanak, tidak bersifat produktif dan hanya menjadi bahan jenaka ringan sahaja. Pemaparan kartun yang selalu diletakkan dalam surat khabar, majalah dan buku-buku umumnya kurang mendapat perhatian masyarakat apatah lagi oleh golongan penyelidik dan cendekiawan. Mereka beranggapan bahawa kartun ini digunakan untuk perkara yang biasa tidak lebih kepada bahan pembelajaran ilmu. Hal ini membuatkan komik kadangkala dipandang rendah mutu penghasilan karyanya berbanding dengan bahan ilmiah yang lainnya.



**Gambar 1 :** Contoh Teks Komik Masyarakat Tempatan

Selain mempeuniayai peluang bagi memperomosikan budaya Malaysia, komik berperanan sebagai antara salah satunya kaedah terbaik untuk menceritakan selok-belok sejarah Tanah Melayu yang tercinta. Komik boleh dijadikan bahan bacaan yang ilmiah dengan memasukkan sedikit bahasa kebangsaan kita dengan lebih teliti iaitu bahasa Melayu. Kita mengetahui bahawa komik teksnya, bahasanya agak ringkas dan tidak berpendidikan. Maka dengan itu, sebolehnya para penulis komik berusaha dengan sebaiknya bagi memartabatkan penggunaan bahasa Melayu yang sempurna dalam penulisan komik. Industri berkenaan dengan penulisan komik di Malaysia masih tertumpu kepada bentuk hiburan. Namun demikian, medium bagi menerbitkan komik sebenarnya semakin berkurangan dan risiko pekerjaan tanpa gaji yang tetap juga menganggu proses para pelukis untuk mengusahakan hasil karya mereka. Pelbagai cabaran untuk menghasilkan komik yang berkualiti supaya segala titik peluh pengkarya dapat dihargai oleh masyarakat tempatan. Oleh itu, kajian yang dilakukan ini lebih terarah kepada menganalisis komik tempatan terpilih menggunakan pendekatan Takmilah / Taabudiyah yang menjadi perkara utama dalam penyelidikan dibuat.

## 1.1 Latar Belakang Kajian

Negara Malaysia merupakan negara yang sedang mengalami perkembangan yang baik dalam menghasilkan medium bacaan iaitu komik. Komik merupakan suatu bacaan yang ringkas dan padat serta menggunakan bahasa yang jelas tatkala mudah difahami khususnya kepada golongan kanak-kanak. Komik dalam konsep yang tertulis dalam Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka ialah “buku yang mengandungi cerita yang diikuti dengan adanya gambaran yang dilukis yang mampu menarik perhatian para pembaca.” Kamus Dewan, Bahasa Dan Pustaka (2005). Menurut Will Eisner (1985), komik membawa makna suatu cerita yang mengandungi penyusunan gambar atau mesej dan diisi dengan perkataan bagi menampilkan naratif yang efektif. Idea berkaitan dengan pembikinan komik berunsurkan perkara-perkara ilmiah sebenarnya bukanlah sesuatu yang baharu. Namun demikian, komik-komik yang ada di seluruh dunia dihasilkan dengan tujuannya untuk memberikan ilmu pengetahuan dan memperkenalkan kepelbagaiannya nilai-nilai dan pengajaran yang berkesan kepada masyarakat.

Kajian ini memfokuskan kepada aspek-aspek psikologi yang terkandung di dalam komik kanak-kanak iaitu bertajuk Upin dan Ipin Keris Siamang Tunggal. Dalam pada itu, Komik Upin dan Ipin Keris Siamang Tunggal ini diadaptasikan menerusi filem yang dihasilkan oleh syarikat perfileman Let's Copaque Production Sdn. Bhd pada tahun 2016. Setelah itu, filem tersebut kemudian telah diterbitkan menjadi sebuah komik untuk dijadikan bahan bacaan khususnya kepada kanak-kanak pada tahun 2021.

Seterusnya kajian ini menggunakan komik Upin dan Ipin Keris Siamang Tunggal sebagai bahan utama untuk mengetahui ciri-ciri psikologi kanak-kanak melalui bahan bacaan itu. Komik itu didasari dengan teori psikologi yang diilhamkan oleh tokoh barat yang bernama Jean Piaget. Mengikut pandangan beliau, kanak-kanak memiliki daya tahap pemikiran yang berbeza mengikut kelas-kelas usia dari peringkat bayi sehingga

kepada kemuncak pemikiran mereka. Dengan bertunjangkan teori psikologi dapat memastikan kajian ini boleh mengupas tahap perkembangan psikologi mmengikut kelas usia kanak-kanak dengan mempamerkan nilai-nilai murni kepada mereka selepas membaca bahan bacaan komik Upin dan Ipin Keris Siamang Tunggal.

## 1.2 Permasalahan Kajian

Dalam usaha untuk membawa penggunaan komik sebagai medium sastera dan seni, stigma sosial berbaur dengan sentimen negatif terhadap komik masih dapat diketahui. Secara objektifnya, diskriminasi terhadap komik mengakibatkan peminat sendiri kurang gemar dan selesa kerana mereka terpaksa berkongsi di hadapan khalayak. Kritikan berteraskan elemen bahasa, nilai, persembahan, budaya dan imej kadang-kala memberkan impak terhadap komik hanya dipandang sebagai bahan komedi dan *escapism* semata-mata. Hal ini membuatkan komik hanya sebagai sumber hiburan dan mainan hobi pembaca di masa lapang sahaja.

Selain itu, amat mengecewakan juga kita banyak mengeluarkan bahan bacaan komik yang terkenal iaitu seperti komik Upin dan Ipin dan banyak lagi. Komik antarabangsa yang begitu unggul seperti Komikoo, Rileks, dan Urban Comics serta Rock yang menarik minat golongan remaja mahupun kanak-kanak untuk membacanya. Komik-komik tersebut sentiasa menghasilkan kualiti seni yang unggul dengan meletakkan jalan cerita yang mencabar, perwatakan yang mantap dan juga teks skrip yang berkualiti dan sesuai. Dapat dirasakan bahawa kebanyakan masyarakat kita meminati komik yang mempunyai unsur adiwira yang kini menjadi fenomena di mana banyak cerita seperti Marvel ditayangkan di pawagam. Hal ini menjadi faktor bahawa komik sastera tempatan kurang sambutan dan mengambil kira juga hilang dari radar oleh masyarakat kita sendiri.

Oleh itu, permasalahan kajian ini menjadi kayu ukur kepada isu-isu yang muncul dalam terbantutnya kelebihan dan keunikan komik ini dalam diri masyarakat tempatan.

### **1.2.1 Masalah-Masalah Berkaitan Komik**

#### **a) Kurang Beridentitikan Budaya Tempatan**

Komik yang dihasilkan tidak menekankan elemen budaya tempatan dan tidak mempunyai nilai keaslian. Secara amnya komik tempatan terlalu mengikuti perkembangan unsur luar seperti memasukkan aspek penceritaan berkisarkan adiwira, aksi dan juga budaya luar seperti gaya hidup bebas yang jauh berbeza dengan ajaran agama Islam.

#### **b) Sambutan Masyarakat**

Masyarakat tempatan kita lebih gemar membaca komik luar negara kerana penghasilan penceritaan yang menarik. Perwatakan yang sesuai dengan minat pembaca juga memainkan peranan dalam mempengaruhi minda anak-anak dan juga remaja. Jika hendak dibandingkan dengan komik tempatan yang melibatkan sastera agak jauh ketinggalan kerana tidak menampakkan keghairahan pembaca. Oleh hal yang demikian, komik tempatan kita kurang mendapat sambutan kerana kini banyak komik moden yang lebih popular.

#### **c) Tiada Medium Yang Sesuai Untuk Mempromosikan Komik**

Di Malaysia kurangnya agensi ataupun penubuhan sesuatu pertubuhan bagi memperromosikan komik sastera sebagai nadi hiburan oleh masyarakat. Selalunya komik yang dihasilkan melalui oleh orang persendirian yang dipanggil sebagai penulis. Maka segala modal dan hasil tenaga akan membantutkan peluang pengkarya untuk

menghasilkan karyanya. Pihak kerajaan juga tidak memberikan isianif bagi menggalakkan lagi penciptaan komik yang boleh menaikkan imej negara.

### 1.3 Persoalan Kajian

Persoalan kajian berkait rapat dengan objektif kajian di mana ia menjadi tujuan kepada penyelidikan kajian itu dilakukan. Dalam bab ini berkisarkan tentang masalah kajian yang akan dikemukakan sebagai soalan untuk menampakkan fokus kepada kajian yang ingin dibuat. Ciri-ciri persoalan diperjelaskan dengan adanya penggunaan Feasible iaitu mementingkan kajian dengan tidak mengambil kira berkenaan masa, tenaga dan juga kos. Kajian ini juga mengambil perkataan **Clear** untuk memperkuatkan lagi persetujuan kebanyakan masyarakat berkaitan makna kata kunci yang terkandung dalam soalan.

1. Apakah ciri-ciri Psikologi kanak-kanak dalam komik Upin dan Ipin?
2. Bagaimanakah psikologi kanak-kanak ini diterapkan dalam kandungan komik Upin dan Ipin?

### 1.4 Objektif Kajian

Penyelidikan ini dilaksanakan adalah kerana untuk mengkaji peranan dan fungsi komik sebagai sumber saastera dan seni serta memasukkan pendekatan teori berkaitan dengan agama untuk memupuk minat kanak-kanan mahupun golongan kanak-kanak.

1. Mengenal pasti ciri-ciri psikologi kanak-kanak dalam komik Upin dan Ipin Keris Siamang Tunggal.
2. Menganalisis pemikiran kanak-kanak menggunakan teori psikologi tentang komik Upin dan Ipin Keris Siamang Tunggal

## 1.5 Batasan Kajian

Skop kajian digunakan dalam penyelidikan ini untuk mengetahui batasan terhadap komik tempatan kita iaitu berjudul Upin dan Ipin. Kajian yang akan dilakukan berdasarkan komik yang terkini yang telah diterbitkan pada tahun 2022. Komik Upin dan Ipin mempunyai nilai teks yang mampu memberikan pengaruh yang baik terhadap kanak-kanak. Teks yang dipilih akan ditentukan menerusi adanya teori ataupun pendekatan yang seiring membantu komik Upin dan Ipin ini dapat dijalankan.

Teori moden yang dipilih dalam mengkaji komik Upin dan Ipin ini ialah psikologi. Dalam teori ini digunakan bagi menyediakan model untuk memahami aspek pemikiran, emosi dan kelakuan manusia terutamanya golongan kanak-kanak. Teori psikologi boleh membantu menyumbangkan kepada asas ilmu pengetahuan dan fikiran manusia dengan mempamerkan contoh nilai positif seperti tolong-menolong, kasih sayang dan juga hormat-menghormati. Skop kajian ini memperlihatkan cerita komik yang diterbitkan di Malaysia sahaja.

Teori psikologi yang diperkenalkan oleh Jean Piaget adalah teori perkembangan kognitif yang sangat menyeluruh. Beliau menganalisis dan mengemukakan idea berkaitan dengan pembentukan kanak-kanak. Dalam kajian ini memfokuskan kepada 4 tahap terhadap lingkungan umur kanak-kanak bertindak dalam pemikiran mereka berkaitan dengan teori psikologi. Antaranya ialah Sensori Motor (sejak lahir hingga 2 tahun), Pra-Operasi (2 hingga 7 tahun), Operasi Konkrit (7 hingga 12 tahun) dan Operasi Normal (12 tahun keatas). Di sini kita dapat lihat perkembangan pemikiran otak kanak-kanak yang dibuat oleh Jean Piaget dalam membuat perbandingan ini.

### **Jadual 1 : Peringkat Perkembangan Teori Kognitif Jean Piaget**

TAHAP	TEMPOH
Sensori Motor	Sejak lahir hingga 2 tahun
Pra - Operasi	2 hingga 7 tahun
Operasi Konkrit	7 hingga 11 tahun
Operasi Normal	12 tahun ke atas

### **Aplikasi teori Piaget dalam pengajaran**

Dalam teori psikologi ini kandungan pelajaran hendaklah disusun secara sistematik mengikut peringkat perkembangan kognitif kanak-kanak. Beliau juga turut percaya bahawa aspek pembelajaran merupakan kepada perkembangan fizikal individu. Maka, komik adalah suatu alat terbaik bagi kanak-kanak untuk memahami setiap teks bahasa secara naratif kerana setiap halaman komik diberikan makna penulisan yang mudah difahami dengan memasukkan elemen gambar juga boleh menarik perhatian kanak-kanak untuk membaca.

#### **1.6 Kepentingan Kajian**

Kajian berkaitan dengan komik sebenarnya perlu dilakukan agar banyak rujukan dan kelebihan yang boleh diambil melalui media ini. Dapat dikatakan bahawa kajian tentang komik perlu diberikan perhatian dalam bidang ilmu. Komik merupakan penulisan kreatif oleh penulis di mana ia boleh memberikan kefahaman awal kepada golongan kanak-kanak khususnya. Selain itu, kajian ini bertujuan bagi memperbaiki silap masyarakat dalam persepsi mereka tentang tiadanya manfaat tentang pembacaan komik.

Seterusnya kajian ini dibuat adalah tidak lain tak bukan untuk memasukkan elemen komik sebagai bidang kesusteraan. Bidang penulisan komik amatlah sesuai dengan bidang sastera kerana banyaknya ciri-ciri sastera yang ada pada komik. Tetapi

komik kebiasaanya dibuat untuk menghasilkan hiburan dan lawak jenaka yang disukai oleh golongan kanak-kanak yang membaca. Dengan itu, dilihat komik Upin dan Ipin menjadi sebuah naratif yang bersesuaian untuk dibuat kerana belum ada kajian lagi dilakukan dalam bentuk komik tetapi dalam bentuk animasi Upin dan Ipin.

Selanjutnya dari segi aspek sosial terhadap masyarakat dalam memberikan kefahaman yang lebih mendalam berkaitan komik. Kita sebagai orang berilmu perlulah menerima penulisa komik adalah bahan ilmiah juga kerana ia ada nilai dan pengajaran yang baik untuk kanak-kanak membacanya. Apabila komik tempatan telah diterima dan mendapat sambutan oleh masyarakat maka dapatlah para pengkarya dihargai kerana sudah berjaya menghasilkan sebuah karya yang berkualiti.

### 1.7 Metodologi Kajian

Metodologi merupakan sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan, disiplin, dan sebagainya. Ia bertujuan bagi menghasilkan kajian yang memberangsangkan. Selain itu, metodologi kajian digunakan bagi memastikan objektif kajian dapat diperoleh berdasarkan kajian kaedah yang dipilih sah dan dipercayai. Metodologi ialah kerangka kajian yang meliputi kaedah kajian dalam membentuk analisis kajian. Metodologi juga dijadikan sebagai petunjuk kepada pengkaji supaya melaksanakan proses mendasari skop kajian yang telah ditetapkan. Reka bentuk dalam menghasilkan kajian ini adalah menggunakan kaedah kualitatif yang berfokuskan kaedah rujukan internet dan kaedah kepustakaan serta rujukan teks. Pada bahagian ini, dapat dipamerkan 2 kaedah kajian dan kerangka teori bagi menjayakan kajian iaitu:

### 1.7.1    Kaedah Kepustakaan

Kaedah kepustakaan amat penting kepada pengkaji dengan segala usaha yang dilaksanakan bagi mengumpulkan maklumat yang lebih terperinci dan bersifat relevan dengan topik kajian. Maklumat-maklumat yang berkaitan dengan sumber bacaan teks itu boleh diperoleh menerusi pencarian buku-buku ilmiah, jurnal, laporan penelitian, karangan-karangan ilmiah, tesis, dan buku tahunan. Kajian berdasarkan kepustakaan ini tidak boleh dipisahkan dengan dengan penelitian. Segala bahan-bahan ilmiah yang dikumpulkan perlu dicatat dan dimasukkan ke dalam perbincangan kajian supaya ia dapat mendasari permasalahan kajian itu sendiri.

Seterusnya, kajian kepustakaan berperanan dalam membimbang pendidik dengan memberikan gambaran penuh tentang ilmu prinsip, konsep, kaedah, pengolahan, dan analisis data yang menepati dengan reka bentuk kajian. Proses ini membantu pengkaji bagi menganalisis serta menilai idea-idea yang muh dimasukkan dalam kajian.

### 1.7.2    Internet

Kaedah internet digunakan pengkaji dalam memperoleh setiap maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian. Internet sebagai medium yang mudah untuk digunakan kerana ia boleh diakses di mana-mana peranti atau gajet. Jelaslah kaedah internet sesuai digunakan dalam kajian mengenai komik. Ketika melayari internet, banyak data tambahan yang boleh menguatkan lagi bukti yang sahih tentang kajian yang ingin dilaksanakan.

Internet boleh diertikan sebagai satu rangkaian yang bersifat global yang boleh menghubungkan lebih dari seorang pengguna dari seluruh dunia sebagai fungsinya bagi pertukaran maklumat. Internet menjadi fenomena kini untuk setiap manusia menggunakan perkhidmatan ini dalam pelbagai perkara yang menjadi manfaat mereka. Dengan adanya internet, pengkaji boleh mendapati sumber rujukan dengan pantas dari segi masa dan lokasi. Menerusi internet juga terdapat aspek pendidikan dan beberapa contoh kajian-kajian lepas yang dibuat oleh pencinta ilmu. Oleh itu, internet dijadikan sebagai alat penyelidikan yang sistematik dan informasinya adalah universal.

### 1.7.3 Kerangka Kajian



Rajah 1 : Kerangka Kajian

Menerusi kajian ini, pengkaji menggunakan teori psikologi yang menjadi teras kepada golongan kanak-kanak dalam membaca komik yang berjudul Upin dan Ipin. Pengasas kepada teori ini ialah Jean Piaget. Jean Piaget adalah seorang pakar ahli biologi yang hebat. Beliau berasal dari negara Swizerland dan dibesarkan di Nauchate dilahirkan pada 9 ogos 1896.

Dalam kajian berkaitan komik Upin dan Ipin mementingkan metodologi dalam konteks kepustakaan berbentuk buku di mana ia harus menggunakan kaedah pembacaan menyeluruh dalam mengambil sesuatu rujukan. Selain itu, kajian ini juga menggunakan kaedah kualitatif yang menjelaskan mengenai penyelidikan di mana pengkaji bergantung terhadap pengumpulan data menerusi perbincangan yang merangkumi lima kaedah penyelidikan iaitu penyelidikan etnografi, kumpulan fokus, temu bual, analisis kandungan dan juga kajian kes. Hal ini dikatakan demikian kerana untuk memberikan maklumat dalam masa nyata yang membantu membina bukti yang kukuh. Dalam erti kata lain kajian kualitatif mementingkan penghasilan makna bagi mengetahui fenomena sosial dengan mengambil kira akan perkara-perkara yang tidak disentuh juga. Dari pengumpulan data kualitatif banyak menggunakan cara interaksi bersemuka dengan subjek kajian dan pendekatan induktif untuk memperoleh teori kajian.

Dalam kajian teori kognitif kanak-kanak yang dibuat, Piaget menitikberatkan pengubahsuaian diri dan alam sekitar yang mana merupakan faktor yang amat penting dalam kebolehan individu.

### **Tahap Sensorimotor**

#### **Zaman : Kelahiran hingga 2 tahun**

Ciri-ciri utama tahap pemikiran kanak-kanak dalam usia ini adalah pengenalan berkaitan bayi yang sudah mengatahui dan mengerti tentang dunia menerusi pergerakan dan reaksi mereka. Kanak-kanak ini dapat belajar tentang dunia adalah dengan tindakan mahupun perbuatan seperti menghisap. Merengkuh, melihat dan juga mendengar. Dalam tahap ini juga bayi belajar benda-benda terus walaupun mereka tidak dapat melihat (objek kekal). Perkembangan kognitif yang terjadi dalam tempoh ini agak singkat serta melibatkan banyak pertumbuhan. Piaget jelas mempercayai bahawa membangun objek kekal atau kesabaran objek, iaitu penahaman berkaitan dengan objek terus wujud seperti

mana mereka yang tidak dapat melihatnya. Hal ini kerana kanak=kanak akan lebih banyak belajar dengan persekitaran dan mendapat pertemuan baru tentang dunia yang mereka berada.

### **Peringkat Preoperasional**

#### **Zaman : 2 hingga 7 tahun**

Ciri-ciri dalam peringkat ini berkisarkan tentang kanak-kanak mula boleh berfikir secara simbolik dan mengetahui cara menggunakan perkataan dan contoh gambar untuk dikatakan sebagai objek. Kanak-kanak juga cenderung mengalami sedikit elemen marah dalam diri mereka dan cuba melihat perkara lain dan perspektif orang di sekelilingnya. Namun demikian, mereka mengalami perkembangan yang baik dalam aspek bahasa dan berfikir walaupun bukanlah semua perkara mereka faham.

### **Peringkat Operasi Konkrit**

#### **Zaman : 7 hingga 11 tahun**

Ciri-ciri utama dalam perkembangan usia ini menerangkan tentang kanak-kanak sudah mula berfikir secara logik dan menginginkan perkara itu terjadi di depan mata mereka. Mereka sudah banyak belajar berkaitan dunia seperti ilmu sains, sejarah, dan matematik yang membolehkan mereka menggunakan daya pemikiran dalam kehidupan. Mereka juga tahu tentang perkara baik dan buruk yang boleh menggugat keselamatan mereka apabila diajar dengan baik. Pemikiran mereka ini kemudian akan menjadi lebih logik dan tersusun tetapi masih mengalami proses konkrit. Dalam usia ini dapat dipastikan bahawa pemikiran mereka dapat bergerak dengan lebih jauh namun ada batasan dan had sesuai dengan daya akal fikiran mereka.

### **Peringkat Operasi Formal**

#### **Zaman : 12 dan Keatas**

Ciri-ciri utama dalam perkembangan usia ini membantu mereka belajar untuk memasuki alam remaja pada peringkat awal. Mereka cuba belajar secara abstrak dan alasan tentang masalah bersifatkan proses hipotesis. Maka wujudlah pemikiran secara abstrak ini di dalam psikologi kanak-kanak tersebut. Mereka juga akan mula berfikir lebih menyeluruh dan mendalam berkenaan isu-isu moral, falsafah, etika, sosial, dan politik yang berfungsi sebagai penalaran teoretikal dan abstrak. Pada peringkat ini juga menerangkan tentang logik deduktif, atau penalaran dan prinsip umum kepada maklumat yang sampai kepada mereka. Keupayaan untuk memikirkan idea-idea dan situasi abstrak merupakan ciri utama dalam tahap operasi perkembangan kognitif formal.

Teori yang diperkenalkan oleh Piaget ini sedikit sebanyak dapat membantu kajian ini dapat dibuat bagi mengkaji psikologi kanak-kanak terhadap komik bertajuk Upin dan Ipin kerana bukan semua pemikiran mereka adalah berbentuk pasif tetapi kanak-kanak ini berupaya memikirkan perkara yang lebih sistematik mengikut tahap yang telah ditetapkan.

### 1.8 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, penggunaan komik sebagai bidang sastera harus dilakukan untuk menjadikan sebagai alat untuk masyarakat mengenali apa-apa berkaitan ilmu sastera. Komik dikenali sebagai warisan seni tanah air yang tidak ternilai. Semua pihak telah memulakan usaha untuk mengangkat martabat komik di Malaysia. Namun demikian, masih terdapat implikasi yang berlaku terhadap mutu penjualan komik sebenarnya masih perlahan dan tidak mendapat sambutan dari khalayak. Dengan menggunakan teori yang sesuai dapat dirumuskan bahawa komik dikatakan lebih dipengaruhi oleh golongan kanak-kanak. Walaubagaimanapun, setiap komik di Malaysia mempunyai kelebihan yang tersendiri yang mampu menjadikannya sebagai medium pendidikan. Analisis yang dibuat berdasarkan komik ini juga berpotensi mewujudkan persekitaran yang baik dalam perkembangan pemikiran kanak-kanak untuk membaca komik dengan menolak aspek hiburan dan komedi.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## 1.9 Organisasi Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa bahagian dimulai dengan bab 1 sehingga ke bab 5 iaitu bab terakhir. Pada bahagian bab 1 menerangkan mengenai pengenalan yang merujuk kepada pernyataan umum dan ada memasukkan sedikit sebanyak berkaitan dengan pernyataan masalah. Seterusnya, bab ini akan memfokuskan kepada definisi, pendapat tokoh dan kewujudan objektif kajian yang berfungsi untuk menunjukkan arah tujuan keberhasilan kajian yang dijalankan. Dengan itu, bab 1 ini mengandungi aspek pengenalan, pernyataan masalah, objektif kajian, batasan kajian, kepentingan kajian, metodologi kajian dan juga organisasi kajian.

Melalui bab 2 pula, penulisan kajian ini akan melihat kepada kajian-kajian lepas yang sudah dibuat oleh pengkaji terdahulu. Pada bab 2 ini, pengkaji banyak merujuk kajian-kajian lepas sebagai panduan agar kajian tidak lari dari landasan yang sebenar. Antara contohnya ialah jurnal, artikel, dan perkara-perkara yang ada berkaitan dengan aspek-aspek psikologi.

Di samping itu, bab 3 pula menerangkan tentang pemahaman konsep teori yang dipilih dalam menjalankan kajian. Pada bahagian ini, ia menjelaskan penggunaan teori dan perkara-perkara yang berkaitan dengan kajian ini dilakukan secara terperinci. Kajian ini menggunakan teori psikologi yang dipelopori oleh tokoh barat iaitu Jean Piaget.

Bab 4 merupakan nadi utama dalam kajian yang dilaksanakan. Dalam bab 4 kajian dan hasil kajian hasil bacaan akan menjadi satu kupasan iaitu hasil daripada kajian yang dinamakan sebagai analisis kajian. Bahagian analisis akan menerangkan dengan lebih jelas mengenai objektif kajian yang telah ditetapkan. Melalui bab 4, hasil kajian akan dianalisis bersama dengan pendekatan teori yang dipilih iaitu psikologi dengan menggunakan kaedah kualitatif.

Akhir sekali, bab 5 adalah penamat kajian yang dilakukan. Ia meliputi bahagian kesimpulan yang pengkaji akan mengulas secara keseluruhan tentang dapatan kajian berhasil pada akhirnya. Kesimpulan merupakan penutup kajian dan akan menerangkan secara ringkas berkaitan dengan tajuk yang dipilih.



## BAB 2

### SOROTAN KAJIAN LEPAS

#### 2.0 Pengenalan

Sorotan kajian memainkan peranan penting dalam memberikan sedikit gambaran ataupun panduan bagi menjalankan proses penyelidikan. Bahagian sorotan kajian ini menunjukkan bahawa adanya pengkaji-pengkaji lain menggunakan tajuk yang sama ataupun teori serta pendekatan yang mirip dengan kajian yang ingin dilakukan. Dalam pada itu, ia sedikit sebanyak membantu pengkaji dalam mencari rujukan dan panduan kajian orang lain bagi memastikan kesinambungan tajuk kajian seiring dengan isu semasa yang dibangkitkan. Sorotan kajian yang dikongsikan dalam kajian ini bertujuan untuk menguatkan lagi hujah penulisan tersebut.

#### 2.1 Sorotan Kajian Lepas

##### 2.1.1 Kajian Tentang Komik

Azman, F. N., Zaibon, S. B., & Shiratuddin, N. (2015). *Elemen dan Implikasi Komik Pendidikan Terhadap Stigma Sosial Pembaca Malaysia Isu dan Cadangan* mengkaji bagaimana komik boleh dijadikan sebagai medium pendidikan utama di peringkat persekolahan. Komik yang boleh dijadikan bahan bacaan di sekolah hendaklah dikeluarkan dengan adanya penulisan ilmiah yang sesuai dengan tahap pelajar-pelajar. Kajian ini juga memaparkan persepsi dan sambutan pelajar dalam aspek pembacaan komik di sekolah. Amalan membaca dipupuk menerusi bahan komik ini sewajar dengan idea bercorakkan pendidikan khususnya seperti subjek Bahasa Melayu, Agama, Ahklak, dan banyak lagi yang boleh dijadikan pedoman

dan wujudnya unsur nilai murni yang diperoleh. Kajian ini mendapati ada golongan yang tidak dapat menerima komik sebagai bidang seni dan sastera kerana perbezaan kaedah penulisannya yang menggunakan bahasa ringkas. Hal ini membuatkan masyarakat kurang gemar menjadikan komik sebagai bahan bacaan yang mendatangkan faedah.

Hadi Akbar (2014). dalam kajiannya *Komik Sebagai Alat Pencetus Sifat Inkiuri Di Malaysia* membincangkan mengenai usaha yang dibuat oleh ahli akademik untuk menggunakan komik sebagai alat inkuiri yang mendatangkan maklumat, idea , cerita dan sebagainya yang berkaitan yang mampu diilhamkan kepada pembaca yang membacanya. Melihat contoh kepada negara luar seperti Jepun dan Korea mereka menggunakan saluran komik sebagai medium utama untuk dijadikan bahan ilmiah kepada anak-anak muda untuk membaca lebih-lebih lagi memasukkan gambar yang menarik sesuai dengan perwatakan itu. Idea bagi menghasilkan komik yang berilmiah bukanlah sesuatu perkara yang baharu. Memang sudah lama usaha ini ingin dibuat tetapi kekurangan tenaga pakar dalam penyediaan komik bersifat kolektif. Hal ini kerana para pelukis komik hanya tertumpu dengan gambaran watak yang menarik tetapi tidak menitikberatkan objektif cerita itu kepada pembaca. Oleh itu, di sini dapat difahami bahawa kajian berkaitan komik harus dilakukan dengan lebih mendalam agar ia menjadi alat pendidikan pada masa hadapan.

Leong Fern Nee & Amir Hamzah Bin Sharani (2012). bertajuk *Penggunaan Strip Komik Bagi Meningkatkan Pencapaian Murid Dalam Topik Kitaran Akhir tahun 5*. Kajian ini berkisarkan tentang penerimaan masyarakat dalam komik berdasarkan kartun sangat sesuai diberikan kepada kanak-kanak untuk membacanya. Dalam mengajar mereka dalam aspek pembacaan ibu bapa

turut berganding bahu menyokong idea ini bagi membentuk anak-anak yang pandai membaca. Menerusi strip komik yang diperkenalkan ini sedikit sebanyak dapat membantu warga pendidik untuk menggunakan ia sebagai sumber ilmu untuk mendedahkan kitaran air kepada mereka.

M . Busairi (2022). dalam kajian mengenai *Gaya Bahasa Sindiran Dalam Instagram Komik Kita : Kajian Stilistika*. Kajian ini mengkaji tentang penggunaan bahasa dan gaya, baik pada pertuturan secara langsung ataupun tidak. Ia bertujuan untuk mendeskripsikan jenis penggunaan gaya bahasa sindiran dalam komik kita menggunakan kajian stilistika. Penelitian dibuat menggunakan kaedah kualitatif dengan pendekatan deskriptif. Hasil penelitian ini memberikan petunjuk bahawa dalam Instagram Komik Kita dengan pengarang mengeluarkan gaya bahasa ironi daripada gaya bahasa sinisme, sarkasme, dan inuendo. Dengan itu, Komik Kita mempunyai unsur humor kerana ada perbezaan dari kenyataan yang ada. Penelitian ini juga memberikan rujukan dan panduan kepada guru bahasa dan para pakar sastera dalam pendidikan menulis karya sastera.

Nuris M Syaifuriza & Rahman Yani Aditya (2014). *Komik Hadits Pokok Ajaran Islam. Pendidikan agama kini diperlukan bagi pembentukan karakter saat dewasa kelak*. Maka, kajian ini menitikberatkan media bacaan yang berlandaskan keagamaan di kalangan anak-anak dan golongan remaja. Mereka dikatakan berminat membaca sesuatu media bacaan dengan melihat watak dan jalan cerita sahaja berbanding ingin mengetahui teks penulisan dan gaya bahasa penulisan. Dalam pada itu, komik sebenarnya adalah medium yang sesuai untuk memasukkan elemen agama dalam sistem bacaan. Hal ini kerana ia dapat memupuk mereka untuk mengetahui dengan lebih jelas berkaitan agama. Kita sudah sedia maklum, komik merupakan ilustrasi yang mudah meyampaikan pesanan dan pengajaran kepada

para pembaca dengan adanya tulisan serta gambar visual sebagai entiti kepada kefahaman dalam penyampaian cerita. Hasil kajian berupaya mewujudkan sashsiah yang baik kepada pembaca kerana dalam komik digambarkan karakter utama mempunyai sifat yang mulia dan boleh menjadi ikutan. Oleh itu, komik yang disampaikan dengan gaya gambar kartun yang lucu mampu menarik minat kanak-kanak dan golongan remaja untuk membaca sambil mempelajari unsur keagamaan yang terkandung dalam bahan bacaan seperti ayat Al – Quran dan Al- Hadis.

### **2.1.2 Kajian Tentang Psikologi**

Leny Marinda An-Nisa: Journal of Gender Studies 13 (1), 116-152 (2020).

*Teori Perkembangan Kognitif Jean Piaget dan problematikanya pada anak usia sekolah dasar.* Perkembangan kognitif merupakan perkembangan perubahan yang berlaku dalam kehidupan manusia bagi memahami, mengolah, informasi, memecahkan masalah dan mengetahui sesuatu. Jean Piaget menggunakan perkembangan kematangan fizik dengan tahap perkembangan kognitif. Pada teori ini, anak diprediksi memiliki kematangan secara kuantitatif dan kualitatif berdasarkan tahap-tahap pemikiran kanak-kanak.

Nasrin Nabilah (2021). *Konsep Pembelajaran Matematika SD Berdasarkan Teori Kognitif Jean Piaget.* Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk menjelaskan konsep mata pelajaran matematik dalam pembelajaran di sekolah mengikut tahap teori kognitif oleh Jean Piaget. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan adanya kaedah kepustakaan dalam mengumpul data. Kajian akhir diketahui anak-anak yang berumur 7 hingga 12 tahun ke atas memiliki pemikiran konkret dan mampu berfikir dan mengira untuk memahami secara logik dan fasih berkomunikasi.

Gufron, M. N., & Risnawita, R. (2010). *Teori – teori Psikologi. Ar-Ruzz Media, Yogyakaria. ISBN 978-979-25-4708-5.* Psikologi merupakan ilmu yang mempelajari proses mental dan jiwa dalam kaitannya dengan perilaku manusia. Melalui ilmu tersebut manusia menempati kedudukan istimewa, sebagai objek sekaligus iaitu subjek. Berposisi sebagai subjek kerana manusia bertindak sebagai peneliti dan objek kerana manusia pulalah yang menjadi penelitian. Maka dengan itu, ia menjadikan pendekatan psikologi sebagai ilmu yang terus mengalami perkembangan seiring dengan perkembangan manusia.

Siti Mahmudah UIN-Maliki Press (2011). *Psikologi sosial: Teori dan model penelitian.* Buku ini pada bahagian pertama menjelaskan tentang materi tentang teori psikologi sosial. Teori-teori psikologi sosial dapat digunakan bagi menganalisis fenomena sosial yang berlaku di kehidupan manusia. Bahagian kedua buku pula penulis menyajikan model penelitian dengan menggunakan pendekatan psikologi sosial. Masalah yang menjadi fokus penelitian ialah wujudnya perbezaan persepsi kyai pengasuh pondok pesantren salaf dan khalaf terhadap praktik pelacuran.

Alvin Fadilla Helmi (2015). *Beberapa Teori Psikologi Lingkungan.* Memiliki tiga tradisi besar orientasi teori psikologi dalam menjelaskan dan memprediksi perilaku manusia. Pertama, perilaku disebabkan faktor dari dalam (deterministik). Kedua, perilaku disebabkan faktor lingkungan atau proses belajar. Ketiga, perilaku disebabkan interaksi manusia lingkungan. Psikologi lingkungan ialah ilmu perilaku yang berkaitan dengan lingkungan fisik, merupakan salah satu cabang Psikologi yang tergolong masih muda. Dengan itu, teori ini dibuat adalah untuk atas dasar data empiris tetapi sebahagian yang lain kurang didukung oleh data empiris. Kedua pula, metode penelitian yang digunakan belum konsisten. Maka,

teori aplikasi ketiga-tiga ini penting dalam mengenal dengan lebih lanjut berkaitan dengan teori mini dalam psikologi lingkungan.

Abdul Mujib Rajawali Pers, (2017). *Teori Kepribadian perspektif psikologi Islam*. Kajian ini menghasilkan wacana baharu dalam menerangkan suatu keharusan yang tidak dapat ditunda-ditunda. Terdapat banyak alasan mengapa hal itu perlu dilakukan. Dari sudut ilmu, upaya ini sebagai pembanding atau bahkan counter discourse terhadap teori-teori kepribadian yang dibangun dari paradigma psikologi sekuler. Teori-teori tersebut bebas nilai yang menafikan unsur-unsur metafisik dan spiritual-transcendental. Masyarakat Muslim lebih tepat menggunakan teori kepribadian berbasis keislaman, kerana teori itu dapat membantu seluruh perilakunya dan menunjukkan self- image mahupun self- esteem. Oleh itu, ia boleh dikaitkan dengan konsep Islam sebagai pendekatan psikologi dalam memandang kepribadian.

Azizi Yahaya & Wan Noraini Wan Razab (2010). *Konsep dan Sejarah Perkembangan Psikologi*. Psikologi adalah suatu kajian berkaitan dengan tingkah laku manusia yang dibuat secara sistematik dan saintifik. Ia merupakan disiplin ilmu yang mengkaji secara saintifik tingkah laku manusia atau haiwan khususnya dari aspek pemikiran, sikap, perasaan, naluri, potensi, kecerdasan, keperluan dan tindak balas manusia terhadap ransangan persekitaran sosial. Kajian secara nyata (overt) merujuk kepada kajian tentang tingkah laku yang dapat diperhati, dinilai, atau diukur. Contohnya, mengapa kanak-kanak menghisap jari, mereka berjalan, bercakap dan sebagainya untuk mengetahui kaedah pemikiran mereka.

Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad & Vijayaletchumy Subramaniam (2014). *Daya Kreativiti Kanak-Kanak : Satu kajian kes*. Daya kreativiti kanak-

kanak adalah bertujuan untuk mengetahui instrumen atau bahan yang bersesuaian untuk membina dan merangsang kreativiti kanak-kanak bagi menganalisis tahap kefahaman mereka melalui instrumen yang diuji. Dalam menguji kefahaman subjek kajian, teori kod kognitif yang telah diperkenalkan oleh Chomsky dan teori pertumbuhan kognisi oleh Piaget telah digunakan. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah temu bual dan lapangan. Kajian ini memberi peluang kepada para guru untuk menggalakkan murid-murid berfikir di samping meningkatkan penguasaan kosa kata yang sedia ada, malah pada waktu yang sama ia dapat meningkatkan daya pemikiran mereka.

AD Yahya (2018). *Konsep Perkembangan Kognitif Perspektif Al-Ghazali Dan Jean Piaget*. Persamaan perkembangan kognitif (akal) menurut Al-Ghazali dan Jean Piaget iaitu terdapat pada tahap perkembangan yang terbagi dalam empat bahagian. Dalam pada itu, kedua-dua tokoh ini memiliki hubungan atau titik temu yang terdapat dalam aspek kemampuan dari tiap tahap yang dilewati dalam setiap proses perkembangan kognitif (akal). Pemikiran yang dilakukan oleh Al- Ghazali seratus peratus menggunakan wahyu sebagai panduan manakala bagi Jean Piaget mendasari pemikirannya dalam konsep nilai dan moral manakala Al- Ghazali menggunakan istilah akal sedangkan Jean Piaget pula menggunakan istilah kognitif.

Wiwien Dinar Pratisti & Susantyo Yuwono (2018). *Psikologi Eksperimen : Konsep, Teori, dan Aplikasi*. Kajian psikologi ini dijalankan untuk memudahkan mahasiswa bagi memahami metode penelitian eksperimen dalam bidang psikologi. Dengan itu, kajian ini menerangkan panduan kaedah teori dasar untuk pelaksanaan penelitian eksperimen. Ia menjelaskan teori psikologi sebagai suatu ilmu pengetahuan dan pandangan tokoh-tokoh sarjana menjadikannya pegangan para

peneliti sejak abad ke-16. Setiap pendekatan memiliki keunikan baik dalam materi dasar maupun premis dasar. Pemilihan metode penelitian yang digunakan dalam psikologi tidak terlepas dari perspektif yang mendasarnya. Psikologi eksperimen pula salah satu ranah penelitian dalam psikologi moden dalam melihat senasasi, persepsi, proses belajar, pengkondisian, motivasi, dan emosi (Weiten, 2008).

Ulifa Rahma & Yuliezar Perwira Dara (2017). *Psikologi Pendidikan : Aplikasi Teori Di Indonesia*. Kajian ini menerangkan tentang 9 perkara asas iaitu Gambaran umum psikologi pendidikan, Pendidikan berdasarkan perkembangan kognitif, Pendidikan berdasarkan perkembangan sosial, Pendidikan berdasarkan perkembangan moral, Variasi individu, Variasi kelompok, Pendidikan siswa, Berkebutuhan khusus, Manajemen kelas dan Asesmen kelas. Dengan itu, kajian ini dijalankan menggunakan kaedah responden dan adanya temu bujal yang dibuat. Hasil kajian mendapati bahawa negara Indonesia menitikberatkan pendidikan berasaskan psikologi dalam sistem pembelajarannya.

Darisman, E. K., Prasetyo, R., & Bayu, W. I (2021). *Belajar Psikologi Olahraga Sebuah Teori dan Aplikasi Dalam Olahraga*. Kajian ini dibuat bertujuan mengenal pasti aspek psikologis yang berkait dengan perilaku manusia dalam aktiviti olahraga yang merangkumi keperibadian olahragawan, perhatian dan konsentrasi, ketegangan, kecemasan, motivasi, agresivitas dan banyak lagi. Perkara ini amat penting bagi pelatih dan pengurus pasukan untuk menilai aspek psikologi olahraga serta mengamalnya terhadap anak didik olahraga yang dilandasi dengan konsep yang betul.

Tri Putra Junaidi Nast & Nevi Yarni (2019). *Teori Belajar Menurut Aliran Psikologi Humanistik Dan Implikasinya Dalam Pembelajaran*. Teori belajar Humanistik merupakan suatu teori dalam pembelajaran yang membantu menaikkan serta memanusiakan manusia dan mampu mengembangkan potensi mereka. Dalam teori ini proses belajar harus berhulu dan bermuara pada manusia itu sendiri. Dalam erti kata lain, teori ini tertarik dalam pendidikan bagi pelajar dalam kehidupan sehari-hari.

Farid Nur Rahman (2019). *Konsep Tadarruj Dalam Internalisasi Al- Quran Studi Analisis Tafsir Kronologis Muhammad ‘Abid Al- Jabiri Dan Teori Tahap Perkembangan Kognitif Jean Piaget*. Kajian ini berteraskan kepada penelitian bagi mengetahui bagaimana proses internalisasi Al-Quran yang berlaku pada zaman Rasulullah SAW. Diriwayatkan bahawa Rasulullah SAW mengajarkan Al- Quran kepada para sahabat sebanyak sepuluh ayat. Setelah diajari bagaimana cara membacanya, mereka dijelaskan maknanya, dan para sahabat tidak akan berganjak ke ayat seterusnya sehingga mereka benar-benar berhasil mengamalkannya. Piaget asal Swiss dengan teori tahap perkembangan kognitifnya menggunakan pendekatan metode dengan mengidentifikasi penafsiran kronologis Jabiri dan teori yang dihasilkannya. Setelah dikenal pasti kedua-dua iaitu Jabiri dan Piaget menemukan tiga pola asas penting seperti pertama, Al- Quran mengenalkan tuhan kepada manusia melalui konsep perbuatanNya. Kedua, transformasi Al-Quran dan ad-Dzikir kemudian Hadis dari konsep mendengar ke berbicara ke membaca dan menulis. Ketiga, untuk mengenalkan kisah semestinya dimulai dari yang terdekat.

Wahyuni, T., Uswatun, N., & Fauziati, E. (2023). *Merdeka Belajar Dalam Perspektif Teori Belajar Kognitivisme Jean Piaget*. Kajian ini amat relevan dengan pelaksanaan teori pembelajaran kognitivisme Jean Piaget yang mengatakan bahawa pembelajaran akan berkesan jika ia disesuaikan dengan peringkat perkembangan kognitif pelajar. Perspektif yang dibuat oleh Jean Piaget mengenai pembelajaran kognitivisme sebenarnya berjaya dilakukan bagi menekankan proses dan bukannya hasil. Dengan itu, kaedah yang digunakan oleh kajian ini menggunakan kaedah kualitatif deskriptif. Hasil kajian ini juga diperoleh daripada tinjauan beberapa literatur.

Connie Cassy Ompok & Viona Tapoi (2020). *Kefahaman Konservasi Kanak-Kanak Pada Peringkat Praoperasi*. Konservasi merupakan terma yang digunakan oleh Jean Piaget untuk menggambarkan kefahaman kanak-kanak tentang objek yang tidak berubah walaupun objek-objek tersebut disusun semula. Kefahaman konservasi adalah penting sebagai asas untuk pembelajaran Matematik. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kefahaman konservasi dalam kalangan kanak-kanak prasekolah yang berumur 4 tahun dan 5 tahun. Kajian ini melihat perbandingan kefahaman konservasi mengikut tempoh kanak-kanak di prasekolah. Seramai 6 orang kanak-kanak di Prasekolah Bestari, Institut Pendidikan Guru Kampus Keningau dipilih secara rawak sebagai subjek kajian. Kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan instrumen Ujian Intelektual Piaget bagi menguji tahap kefahaman konservasi kanak-kanak. Temu bual dan pemerhatian bersama dengan subjek kajian digunakan bagi tujuan mendapatkan data. Hasil kajian mendapati kanak-kanak peringkat praoperasi tidak dapat memberikan jawapan yang betul kepada perubahan dinamik dalam ujian konservasi. Maka kanak-kanak tidak

mempunyai kefahaman yang jelas tentang konservasi dan penggunaan bahasa yang terhad.

Jamilah Mohd Basir (2020). *Kesediaan Global Kanak-Kanak Prasekolah*.

Kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti pengetahuan kesediaan global kanak-kanak yang berumur tahun di prasekolah berasaskan 7 aspek global iaitu pertama, kemahiran komunikasi dan berbahasa pelbagai. Kedua, kemahiran ICT. Ketiga, kepelbagaian budaya. Keempat, kemahiran berfikir aras tinggi. Kelima, kemahiran pemeliharaan alam sekitar. Keenam, kemahiran literasi kewangan dan yang ketujuh kemahiran asas keselamatan serta pertahanan diri. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan menggunakan sistem soal jawab bertulis berdasarkan gambar. Sampel kajian terdiri daripada 84 orang kanak-kanak prasekolah dari lima buah prasekolah daerah Mualim, Perak. Dapatan kajian menunjukkan kanak-kanak perlu diberikan pendidikan dalam kesediaan global untuk menyediakan mereka dengan pengetahuan berdasarkan tujuh aspek yang dinyatakan tadi.

Chew Fong Peng & Shashipriya Nadaraja (2016). *Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Kreatif dan Kritis Dalam Pengajaran Komsas di Sekolah Menengah*. Kajian ini meninjau pelaksanaan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif (KBKK) dalam pengajaran dan pembelajaran KOMSAS di sekolah menengah daerah Petaling. Kajian yang dibuat ini menggunakan kaedah kajian secara kuantitatif. Responden kajian ini terdiri daripada 40 orang guru dan 120 pelajar di tiga buah sekolah iaitu sekolah lelaki, sekolah perempuan dsan sekolah campuran. Borang soal selidik diedarkan kepada responden kajian. Hasil kajian mendapatkan pengaplikasian kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif dari segi pelaksanaan adsalah memuaskan.

Mardiah Mahmor & Kamariah Abu Bakar (2021). *Kesan Intervensi Terhadap Tingkah Laku Disruptif Dalam Kalangan Kanak-Kanak Prasekolah*. Tujuan kajian ini dilaksanakan untuk melihat pengubah suaian tingkah laku yang berlaku kesan daripada perlaksanaan intervensi dalam proses pembelajaran Intervensi “Topi Kapten Kebenaran Papa Zola” diaplikasikan bagi mengurangkan tingkah laku disruptif kanak-kanak prasekolah dengan menggunakan peneguhan positif ganjaran kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk mengumpul data yang diperlukan. Data dikumpulkan hasil analisis instrumen daripada senarai semak dan pemerhatian yang menggunakan reka bentuk ABA. Peserta kajian terdiri daripada 3 kanak-kanak lelaki berumur 6 tahun di sebuah sekolah di daerah Sepang yang menunjukkan ciri-ciri tingkah laku yang mahu dikaji. Hasil dapatan kajian menjelaskan bahawa perubahan positif terhadap tingkah laku dan tiada pengulangan tingkah laku dan tiada pengulangan tingkah laku disruptif apabila proses pembelajaran diselitkan dengan intervensi dan perkara yang diminati oleh kanak-kanak seperti perwatakan animasi kartun Papa Zola dalam kisah Boboiboy.

Matt Jaarvis (2019). *Teori-Teori Psikologi : Pendekatan Modern Untuk Memahami Perilaku, Perasaan, dan Pikiran Manusia*. Kajian ini menerangkan tentang konsep utama psikologi yang membawa makna ilmu tentang fikiran dan perilaku. Menurut Gross (1996) walaupun sering dianggap bukan ilmu, psikologi tergolong unik berbanding ilmu lain kerana ia tidak dipengaruhi oleh satu jenis prinsip dan keyakinan sahaja malah, para psikologi dapat menggunakan banyak ragam pendekatan alternatif. Hasil kajian akhir mendapati proses pemikiran kanak-kanak mengambil masa yang panjang dalam meniti perkembangan otak dan fikiran

mereka menurut teori-teori psikologi yang dimasukkan iaitu dari sudut perilaku, perasaan dan juga pemikiran.

### **2.1.3 Kajian Tentang Animasi Filem Kanak-Kanak**

Anisatul Mustafidah (2021). *Analisis Film Kartun Upin Ipin Sebagai Media Pendidikan Dalam Menanamkan Nilai-Nilai Afektif Pada Anak Di Pendidikan Anak Usia Dini (Paud / Kb) Al Munawwarah*. Kajian ini memfokuskan 2 penelitian yang menjadi perkara utama iaitu pertama, apa sahaja nilai-nilai pendidikan yang terdapat dalam film kartunn Upin Ipin dan yang kedua, Bagaimanakah pengaruh nilai-nilai pendidikan itu terhadap perkembangan afektif anak? Penelitian ini menggunakan kaedah kualitatif dan jenis penelitiannya ialah fenomenologis. Pengumpulan data dilakukan dengan melaksanakan pengamatan, wawancara mendalam dan secara dokumentasi. Analisis data dengan melakukan pemilihan, penyederhanaan dan transformasi yang kasar muncul dari kaedah lapangan. Hasil kajian mendapati banyak manfaat yang diperoleh oleh kanak-kanak khususnya nilai-nilai murni dalam meningkatkan pendidikan anak-anak.

Redha Fithri Karima (2018). *Peran Animasi Upin & Ipin Sebagai Diplomasi Publik Malaysia Terhadap Indonesia*. Kajian ini mengatakan Malaysia merupakan negara yang didominasi tiga ras besar iaitu Melayu, Cina dan India sehingga negara tersebut dikatakan sebagai negara multikultur. Melayu dan agama Islam adalah identiti utama Malaysia. Animasi Upin & Ipin hadir sebagai cerminan kehidupan orang-orang Melayu Malaysia yang mengalami perkembangan membuktikan orang Melayu semakin maju dalam mempromosikan budaya mereka. Kajian utama membabitkan hak wanita sebagai perkara penting untuk mewujudkan nilai multikulturalisme. Rasa hormat – menghormati dan saling maenghargai sentiasa menjadi nilai utama dalam pembikinan kisah Upin dan Ipin. Hasil kajian

yang diperoleh mengatakan masyarakat Melayu digambarkan orang yang baik dan lemah lembut kerana mereka mudah menerima kaum dan budaya lain masuk dalam kehidupan mereka seperti Cina dan India. Dalam pada itu, watak-watak wanita dalam kisah ini juga ada peranannya dalam memartabatkan lagi hak mereka dalam setiap aspek.

Noor Aida Mahmor & Nasihah Hashim (2015). *Citra Wanita melayu Dalam Cerita Animasi Kanak-Kanak Upin dan Ipin* mengkaji peranan wanita dalam pemikiran kanak-kanak semasa menonton animasi kartun Upin dan Ipin. Mengetahui bahawa wanita pandangan kanak-kanak hanyalah sebagai seorang ibu kerana pada dasarnya mereka dilahirkan oleh seorang wanita yang bernama ibu. Namun, hakikat sebenarnya wanita mempunyai makna yang luas. Kajian ini objektifnya memasukkan elemen feminism yang diperkenalkan bagi memberikan penekanan kepada peranan wanita di dalam animasi ini hidup mahupun sebaliknya. Dapat dilihat dalam cerita ini banyak watak wanita yang dimainkan seperti watak Kak Ros sebagai kakak, Opah sebagai orang tua, Cikgu Melati sebagai guru tadika Upin dan Ipin dan banyak lagi untuk membentuk wanita mempunyai sumbangan kepada masyarakat dan negara.

## 2.2 Kesimpulan

Kesimpulannya, bab ini menjelaskan berkaitan dengan kajian-kajian lepas yang telah dilakukan secara ektensif oleh pengkaji sebelum ini. Sorotan kajian yang dilakukan ini ditumpukan kepada topik kajian sahaja. Keseluruhan kajian bab ini tidak menggunakan hanya teori psikologi sahaja malah telah membahagikan kepada 3 bahagian iaitu dari aspek komik, psikologi dan animasi filem. Menerusi kajian ini ia lebih berfokuskan kepada teori psikologi yang diperkenalkan oleh Jean Piaget. Oleh hal yang demikian, melihat kepada sorotan kajian yang diperoleh, dapat diketahui bahawa ia membuktikan bahawa terdapat pelbagai aspek yang telah dikaji oleh para sarjana dahulu. Oleh itu, sebuah kajian tentang aspek-aspek psikologi yang terkandung di dalam komik Upin dan Ipin Keris Siamang Tunggal dilaksanakan bagi menambahkan lagi kajian terhadap komik kanak-kanak dengan rujukan teori psikologi kepada para penyelidik yang akan datang.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.0 Pengenalan Teori Psikologi

Pada bahagian metodologi ini, akan membincangkan tentang pendekatan teori yang digunakan oleh pengkaji dalam merealisasikan tujuan utama kajian. Pengkaji menggunakan teori psikologi yang didasari oleh tokoh barat terkemuka iaitu Jean Piaget. Metodologi menurut Othman Mohamed (2014) mengatakan ia sebagai prosedur yang kemas dan tersusun untuk mewujudkan penyesuaian pendekatan kajian mengenai analisis data yang berkait dengan penyelidikan yang dilakukan. Bahagian ini menitikberatkan keberkesanan teori untuk mendorong pengkaji mendapatkan bukti yang kukuh dalam memasukkan elemen tersebut. Metodologi kajian sebagai nadi utama dan rujukan penting bagi sesuatu kajian itu tidak terpesong melalui adanya kaedah yang digunakan.

Kamus Dewan (2017) memperjelaskan tentang makna sebenar bagi metodologi dalam mengenal pasti prinsip yang boleh diaplikasikan melalui kaedah yang tulus dan berdisiplin. Metodologi amat penting dalam menyusun idea dengan meniti satu kajian komik Upin dan Ipin Keris Siamang Tunggal dengan melihat kepada aspek-aspek psikologi kanak-kanak dalam elemen Sastera.

Teori psikologi berasal dari asal perkataan dari Greek, Psyche membawa makna berkaitan dengan jiwa, rohani atau mental dan logos pula dinterpretasi kajian. Hal ini dikatakan demikian kerana psikologi adalah kaedah kajian yang berkaitan tentang diri manusia. Selain itu, John Watson (1919) juga membahaskan psikologi bersifat objektif yang membolehkan keberhasilan segala tingkah laku manusia yang pelbagai. Seterusnya, teori psikologi menumpukan sepenuhnya segala tingkah laku manusia yang dapat dilihat

oleh mata kasar seperti berjalan, berlari, bercakap dan bekerja. Jelaslah bahawa psikologi didefinisikan dalam bentuk kajian saintifik iaitu kaedah kajian yang dilakukan ada menggunakan sumber seperti soal selidik, kaedah lapangan, pemerhatian, kajian kes, dan perkara-perkara lain yang sesuai dengan kajian yang ingin dilakukan. Teori psikologi ada menyelitkan tentang pengaruh terhadap aspek pemikiran manusia terhadap perkara di sekeliling mereka seperti melalui penglihatan, pembacaan ataupun perasaan yang ada dalam jiwa.

### **3.1 Reka Bentuk Kajian**

Sabitha (2006) mengatakan bahawa reka bentuk kajian merupakan suatu platform bagi mempamerkan secara jelas tentang kajian itu ingin dilaksanakan. Menerusi kajian yang dibuat, ia berfungsi sebagai rujukan dan panduan dalam membantu pengkaji dalam usaha untuk membincangkan mengenai sesuatu proses itu berjalan dari peringkat awal sehingga ke peringkat akhir dengan mencipta analisis data. Reka bentuk kajian memberikan penelitian kepada struktur logik sesebuah kajian kerana ia membolehkan data yang dikumpul mempunyai persoalan dan jawapan.

Selain itu, Reka bentuk kajian sebenarnya dapat memberikan gambaran mengenai kerangka perancangan yang dibuat dan pelbagai strategi yang wujudnya prosedur kajian dengan memfokuskan aspek-aspek seperti pendekatan kajian, kaedah persampelan, cara mengumpul data, teknik memperoses dan menganalisis data dan juga penulisan laporan.

### 3.1.1 Kaedah Kualitatif

Kaedah Kualitatif digunakan dalam kajian ini adalah kerana ingin memperoleh maklumat ataupun data yang bersifat kualitatif. Dapat dilihat di sini, pengkaji boleh melakukan kaedah ini dengan memasukkan cara pemerhatian, analisis dolumen dan sebagainya yang berkait dengan sumber kajian. Kaedah kualitatif meliputi kajian yang berteraskan dengan kajian kes, kajian etnografi, dan kajian sejarah.

Melalui kajian tentang aspek-aspek psikologi yang terkandung dalam komik Upin dan Ipin Keris Siamang Tunggal, pengkaji akan menggunakan teks iaitu kaedah deskriptif dengan melihat makna teks itu yang dapat mempengaruhi pemikiran manusia.

### 3.1.2 Analisis Kajian Teks

Melalui kajian yang dilakukan, pengkaji akan menggunakan sepenuhnya teks bacaan komik Upin dan Ipin Keris Siamang Tunggal. Pengkaji akan meneliti dan mengeluarkan segala teks-teks yang berkaitan dengan psikologi terhadap kanak-kanak. Komik Upin dan Ipin Keris Siamang Tunggal sememangnya merupakan bacaan yang amat sesuai dengan usia kanak-kanak dari umur 2 tahun sehingga ke 12 tahun.

Komik Upin dan Ipin Keris Siamang Tunggal menceritakan tentang cabaran dan rintangan yang perlu dihadapai oleh Upin dan Ipin serta rakan-rakannya yang secara tidak sengaja terperangkap di alam yang penuh misteri. Perkara ini berlaku disebabkan mereka telah memegang keris yang dikatakan mempunyai kuasa mistik yang dijumpai ketika sedang membersihkan ruangan stor di sebelah rumah Tok Dalang. Selepas itu, mereka secara tiba-tiba dibawa terus ke alam yang dinamakan sebagai sebuah kerajaan Inderakola. Pelbagai onak dan duri yang perlu mereka hadapi untuk berusaha kembali ke dunia asal namun Upin dan Ipin serta rakan-rakannya hendaklah membantu untuk menyelamatkan

Inderakola seperti sedia-kala daripada kuasa jahat yang telah dikuasai sejak dahulu lagi.

Setiap teks yang dipilih akan dikaitkan dengan teori psikologi untuk membuktikan kepada masyarakat bahawa komik sebagai bahan ilmu pembacaan yang berkesan kepada kanak-kanak menerusi aspek pemikiran, emosi dan juga kelakuan kanak-kanak.

### **3.1.3    Kaedah Kepustakaan**

Kaedah kepustakaan amat penting kepada pengkaji dengan segala usaha yang dilaksanakan bagi mengumpulkan maklumat yang lebih terperinci dan bersifat relevan dengan topik kajian. Maklumat-maklumat yang berkaitan dengan sumber bacaan teks itu boleh diperoleh menerusi pencarian buku-buku ilmiah, jurnal, laporan penelitian, karangan-karangan ilmiah, tesis, dan buku tahunan. Kajian berdasarkan kepustakaan ini tidak boleh dipisahkan dengan dengan penelitian. Segala bahan-bahan ilmiah yang dikumpulkan perlu dicatat dan dimasukkan ke dalam perbincangan kajian supaya ia dapat mendasari permasalahan kajian itu sendiri.

Seterusnya, kajian kepustakaan berperanan dalam membimbang pendidik dengan memberikan gambaran penuh tentang ilmu prinsip, konsep, kaedah, pengolahan, dan analisis data yang menepati dengan reka bentuk kajian. Proses ini membantu pengkaji bagi menganalisis serta menilai idea-idea yang mahu dimasukkan dalam kajian.

### **3.1.4    Internet**

Kaedah internet digunakan pengkaji dalam memperoleh setiap maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian. Internet sebagai medium yang mudah untuk digunakan kerana ia boleh diakses di mana-mana peranti atau gajet. Jelaslah kaedah internet sesuai digunakan dalam kajian mengenai komik. Ketika melayari internet,

banyak data tambahan yang boleh menguatkan lagi bukti yang sahih tentang kajian yang ingin dilaksanakan.

Internet boleh diertikan sebagai satu rangkaian yang bersifat global yang boleh menghubungkan lebih dari seorang pengguna dari seluruh dunia sebagai fungsinya bagi pertukaran maklumat. Internet menjadi fenomena kini untuk setiap manusia menggunakan perkhidmatan ini dalam pelbagai perkara yang menjadi manfaat mereka. Dengan adanya internet, pengkaji boleh mendapati sumber rujukan dengan pantas dari segi masa dan lokasi. Menerusi internet juga terdapat aspek pendidikan dan beberapa contoh kajian-kajian lepas yang dibuat oleh pencinta ilmu. Oleh itu, internet dijadikan sebagai alat penyelidikan yang sistematik dan informasinya adalah universal.

### **3.2 Penerapan Teori Psikologi Kanak-Kanak**

Pengkaji memilih satu tokoh yang membawa teori psikologi sebagai medium penting dalam kajian mengenai aspek-aspek psikologi yang terkandung di dalam komik Upin dan Ipin Keris Siamang Tunggal. Tokoh yang dipilih ialah Jean Piaget. Beliau pada asalnya merupakan seorang yang mahir dalam bidang ilmu biologi. Beliau berasal dari negara Switzerland dan menggunakan kepakarannya dalam bidang biologi bagi mempamerkan perkembangan kognitif manusia. Menurut beliau, minda manusia boleh berkembang, berubah serta boleh mengadaptasi isu-isu yang berlaku ketika berkomunikasi dengan persekitaran.

Jeans Piaget memfokuskan aspek psikologi ke arah pemikiran kognitif terhadap tahap perkembangan kanak-kanak mengikut usia yang telah dikelaskan. Beliau dengan bijak memberikan penerangan bahawa setiap kanak-kanak memiliki

corak perkembangan mereka mengikut kematangan mereka tersendiri. Pemikiran kanak-kanak ini, berlaku secara berperingkat dan fokus utama kajian pada peringkat awal kerana ia menjadi penanda aras bagi perkembangan yang seterusnya. Beliau memberikan 3 cara kanak-kanak untuk mengetahui sesuatu perkara iaitu pertama, menerusi interaksi sosial dengan mempelajari perkara-perkara daripada orang lain merangkumi bahasa, tingkah laku yang bersesuaian dengan budaya. Kedua, dalam ilmu fizikal seperti pengetahuan dalam aspek penerokaan sebagai contohnya, pemahaman tentang bentuk bulat, segitiga serta juga sifat keras dan lembut. Perkara tersebut boleh diketahui oleh kanak-kanak dengan merasai dan melihat. Ketiga, kanak-kanak boleh berfikir melalui aspek logik seperti ilmu matematik yang berlandaskan perkiraan nombor. Dengan itu, Jeans Piaget percaya kanak-kanak akan mengalami perkembangan akal fikiran dari sudut persekitaran mereka dan adanya ilmu-ilmu tambahan yang diajar oleh ibu bapa.

### **3.2.1 Kelas-Kelas Usia Kanak-Kanak Yang Dipelopori Oleh Jean Piaget**

Pendekatan psikologi memberikan ilmu mengenai kanak-kanak yang normal mempunyai perkembangan yang baik dan sentiasa berkembang berbanding dengan kanak-kanak yang tidak normal. Ia melibatkan ilmu dari aspek kognitif dan fizikal. Peringkat pertama ialah proses perkembangan secara aturan iaitu setiap bayi pada peringkat permulaan akan duduk kemudian cuba merangkak diikuti dengan berjalan. Seterusnya, peringkat kedua pula menceritakan tentang perubahan yang menentukan keadaan ke arah yang spesifik. Contohnya, kanak-kanak sudah boleh memegang objek-objek dengan baik tanpa menjatuhkannya. Selain itu, peringkat ketiga menerangkan berkenaan kanak-kanak sudah mula belajar sesuatu dan belajar untuk menghafal sesuatu perkara contohnya, membaca buku lalu mengingati setiap ayat ataupun gambaran yang ada di dalam buku tersebut. Selanjutnya, peringkat

keempat meneliti tentang aspek pemikiran yang relevan dan mementingkan perkara-perkara yang abstrak iaitu boleh berfikir secara asas tentang perkara yang baik berbanding perkara yang sebaliknya. Akhir sekali kanak-kanak akan menunjukkan tahap pemikiran yang lebih sistematik serta tingkah laku yang positif dapat dijelmakan terhadap khalayak.

### i) Tahap Sensorimotor

#### Zaman : Kelahiran hingga 2 tahun

Ciri-ciri utama tahap pemikiran kanak-kanak dalam usia ini adalah pengenalan berkaitan bayi yang sudah mengatahui dan mengerti tentang dunia menerusi pergerakan dan reaksi mereka. Kanak-kanak ini dapat belajar tentang dunia adalah dengan tindakan mahupun perbuatan seperti menghisap. Merengkuh, melihat dan juga mendengar. Dalam tahap ini juga bayi belajar benda-benda terus wujud walaupun mereka tidak dapat melihat (objek kekal). Perkembangan kognitif yang terjadi dalam tempoh ini agak singkat serta melibatkan banyak pertumbuhan. Piaget jelas mempercayai bahawa membangun objek kekal atau kesabaran objek, iaitu penahaman berkaitan dengan objek terus wujud seperti mana mereka yang tidak dapat melihatnya. Hal ini kerana kanak-kanak akan lebih banyak belajar dengan persekitaran dan mendapat pertemuan baru tentang dunia yang mereka berada.

### ii) Peringkat Pra-operasi

#### Zaman : 2 hingga 7 tahun

Ciri-ciri dalam peringkat ini berkisarkan tentang kanak-kanak mula boleh berfikir secara simbolik dan mengetahui cara menggunakan perkataan dan contoh gambar untuk dikatakan sebagai objek. Kanak-kanak juga cenderung mengalami sedikit elemen marah dalam diri mereka dan cuba melihat perkara lain dan

perspektif orang di sekelilingnya. Namun demikian, mereka mengalami perkembangan yang baik dalam aspek bahasa dan berfikir walaupun bukanlah semua perkara mereka faham.

### **iii) Peringkat Operasi Konkrit**

#### **Zaman : 7 hingga 11 tahun**

Ciri-ciri utama dalam perkembangan usia ini menerangkan tentang kanak-kanak sudah mula berfikir secara logik dan menginginkan perkara itu terjadi di depan mata mereka. Mereka sudah banyak belajar berkaitan dunia seperti ilmu sains, sejarah, dan matematik yang membolehkan mereka menggunakan daya pemikiran dalam kehidupan. Mereka juga tahu tentang perkara baik dan buruk yang boleh menggugat keselamatan mereka apabila diajar dengan baik. Pemikiran mereka ini kemudian akan menjadi lebih logik dan tersusun tetapi masih mengalami proses konkrit. Dalam usia ini dapat dipastikan bahawa pemikiran mereka dapat bergerak dengan lebih jauh namun ada batasan dan had sesuai dengan daya akal fikiran mereka.

### **iv) Peringkat Operasi Formal**

#### **Zaman : 12 dan Keatas**

Ciri-ciri utama dalam perkembangan usia ini membantu mereka belajar untuk memasuki alam remaja pada peringkat awal. Mereka cuba belajar secara abstrak dan alasan tentang masalah bersifatkan proses hipotesis. Maka wujudlah pemikiran secara abstrak ini di dalam psikologi kanak-kanak tersebut. Mereka juga akan mula berfikir lebih menyeluruh dan mendalam berkenaan isu-isu moral, falsafah, etika, sosial, dan politik yang berfungsi sebagai penalaran teoretikal dan abstrak. Pada peringkat ini juga menerangkan tentang logik deduktif, atau penalaran dan prinsip umum kepada maklumat yang sampai kepada mereka. Keupayaan untuk

memikirkan idea-idea dan situasi abstrak merupakan ciri utama dalam tahap operasi perkembangan kognitif formal.

Teori yang diperkenalkan oleh Piaget ini sedikit sebanyak dapat membantu kajian ini dapat dibuat bagi mengkaji psikologi kanak-kanak terhadap komik bertajuk Upin dan Ipin kerana bukan semua pemikiran mereka adalah berbentuk pasif tetapi kanak-kanak ini berupaya memikirkan perkara yang lebih sistematik mengikut tahap yang telah ditetapkan.

### **3.2.2 Kesan-Kesan Psikologi Kanak-Kanak**

Perkembangan dan pertumbuhan manusia merupakan fokus utama dalam melihat tahap psikologi terutamanya golongan kanak-kanak. Oleh hal yang demikian, dalam konteks ini bacaan komik Upin dan Ipin keris Siamang Tunggal amat bersesuaian dengan tahap perkembangan psikologi kanak-kanak. Bahan – bahan bacaan tersebut perlu menanamkan aspek hiburan, pengajaran dan persekitaran yang sesuai yang memberikan ilmu tambahan kepada mereka berkaitan dengan dunia yang berlaku di depan mata. Melalui kajian ini, akan memperlihatkan peranan komik yang bertajuk Upin dan Ipin Keris Siamang Tunggal akan dapat merangsang emosi kanak-kanak sebagai contoh, gembira, marah, benci dan sebagainya yang boleh menunjukkan air muka serta renungan mata apabila membaca komik kanak-kanak yang bersifat bahasa verbal dan gambaran visual.

#### **i) Emosi Kanak-Kanak**

Setiap manusia memiliki pengaruh yang amat besar berkenaan dengan konsep emosi dalam kehidupan. Tidak kiralah berapa usia manusia itu mereka tetap akan merasai perasaan emosi dalam diri mengikut keadaan yang dialami.

Emosi membawa makna perasaan yang dibawa oleh manusia dan dipamerkan menerusi tindakan dan tingkah laku. Istilah emosi berasal dari perkataan *moveare* iaitu bahasa Latin yang bererti menggerakkan, bergerak. Menurut Lazarus (1991) memperkatakan emosi yang dipersembahkan oleh manusia sebenarnya memberikan impak positif dan juga negatif. Ia terpulanglah kepada individu itu untuk mengawal mahupun perkara yang sebaliknya.

Melihat kepada teks bacaan yang terkandung di dalam Komik Upin dan Ipin Keris Siamang Tunggal memberikan elemen yang terbaik kepada perkembangan emosi khususnya terhadap kanak-kanak. Komik dihasilkan dengan adanya bantuan daripada aspek penulisan dan kehadiran gambaran visual. Melalui aspek tersebut, dapat diketahui bahawa kanak-kanak boleh mengetahui dan memahami akan apa yang diceritakan oleh komik itu lalu mereka menunjukkan emosi seperti gembira, sedih, marah dan sebagainya mengikut landasan cerita yang mereka baca.

## **ii) Pemikiran Kanak-Kanak**

Setiap manusia akan mengalami tahap pertumbuhan sevara berperingkat dari bayi sehingga ke akhir hayat. Menurut Kamaruddin Husin (1997:4) pertumbuhan dilihat sebagai suatu proses perkembangan yang melibatkan struktur serta ilmu fisologi yang terjadi dalam diri manusia. Tingkah laku yang dibawa oleh kanak-kanak merupakan perkara yang menjadi asas kepada kematangan pemikiran mereka. Kanak-kanak dikatakan perlu ada kemahiran motor asaa bagi menghasilkan pergerakan yang efektif serta positif. Menurut McCarthy (1989) mengatakan kemahiran motor ini terbahagi kepada 2 jenis iaitu kemahiran motor kasar dan juga kemahiran motor halus. Kemahiran yang

dinamakan sebagai motor kasar ini memfokuskan kepada pergerakan otot-otot besar badan seperti otot lengan dan kaki sebagai contoh, berjalan dan melompat. Manakala kemahiran motor halus pula menampilkan perbuatan yang kecil sahaja seperti menunjukkan deria rasa seperti bernafas dan mengunyah makanan yang sedikit seperti makanan ringan.

Pemikiran kanak-kanak yang boleh diperoleh daripada pembacaan komik Upin dan Ipin Keris Siamang Tunggal adalah mengikut tahap perkembangan kognitif itu sendiri. Jean Piaget menerangkan 4 bahagian usia kanak-kanak iaitu dari Sensorimotor, Pra-Operasi, Operasi Konkrit dan kemuncak usia iaitu Operasi Formal. Menerusi usaha bagi meningkatkan tahap pemikiran kanak-kanak perlu dibantu dengan kehadiran perkembangan sosial seperti kemahiran berkomunikasi dengan orang lain, dan pembentukan kendiri. Dengan itu, pemikiran kanak-kanak akan mula berkembang dan wujudnya kematangan mereka ke arah yang lebih baik.

### **iii) Kelakukan Kanak-Kanak**

Tingkah laku didefinisikan sebagai adanya perubahan terhadap perbuatan yang baik dan lebih sistematik. Pepatah Melayu berbunyi ‘melentur buluh biar dari rebungnya’ menjadi pernyataan yang sesuai bagi mempamerkan bahawa untuk membentuk tingkah laku dan kebolehan sosial yang baik pada kanak-kanak perlu diberikan pengajaran dan kefahaman oleh ibu bapa dari kecil lagi. Faktor persekitaran yang baik dapat mewujudkan pengaruh yang baik kepada kanak-kanak seperti ibu yang sedang memasak mengajar anaknya untuk membantu manakala ayah pula yang membaiki peralatan rumah yang rosak diajari dengan mengajar cara untuk membaikinya. Dapat diketahui bahawa

kanak-kanak hendaklah didedahkan dengan perkara yang kecil yang sesuai dengan peringkat perkembangan usia mereka agar tingkah laku yang ditunjukkan memberikan impak yang positif dan mencapai kematangan berfikir yang efektif.

### 3.3 Kerangka Konseptual



**Rajah 2 : Kerangka Konseptual**

Sumber : Internet

Teori perkembangan yang diperkenalkan oleh Jean Piaget merupakan suatu kajian yang berkesan lebih-lebih lagi tentang psikologi kanak-kanak. Beliau percaya bahawa kanak-kanak boleh dikenal pasti potensi mereka dengan melihat kepada tingkah laku iaitu dari segi struktur, operasi tingkah laku, peringkat-peringkat perkembangan mengikut usia, dan ilmu pengetahuan kanak-kanak. Jean Piaget menjalankan penyelidikan dengan menggunakan pendekatan epistemologi genetik yang memperkenalkan ilmu biologi dan

psikologi. Beliau mengatakan untuk memahami tingkah laku dan perkembangan kognitif kanak-kanak akan melihat kepada aspek skema, skemata, asimilasi, akomodasi, dan juga perimbangan. Perkara-perkara yang diberikan itu menjadi tunjang asas kepada tahap psikologi kanak-kanak dengan merujuk kepada kelas-kelas usia kanak-kanak yang bermula dari tahap sensorimotor sehingga ke peringkat operasi formal.

### 3.4 Kesimpulan

Kesimpulannya, teori yang dipilih iaitu psikologi yang dipelopori oleh tokoh barat bernama Jean Piaget ini amat sesuai dengan kajian berkensaan dengan aspek-aspek psikologi yang terkandung di dalam Komik Upin dan Ipin Keris Siamang Tunggal terutamanya terhadap kanak-kanak. Teori psikologi dalam kajian ini menggunakan kelas usia kanak-kanak daripada peringkat perkembangan sensorimotor (2 tahun), pra-operasi (2 - 7 tahun), operasi konkrit (7-11 tahun) dan kemuncak usia kanak-kanak iaitu operasi formal (12 tahun ke atas). Dalam pada itu, pengkaji akan memberikan 3 elemen penting dalam tahap perkembangan kognitif kanak-kanak iaitu dari aspek emosi, pemikiran dan juga kelakuan yang semuanya akan berfokuskan kepada kanak-kanak.

## BAB 4

### ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

#### 4.0 Pengenalan

Bab ini memberikan fokus kepada analisis kajian dan dapatan kajian yang menjadi tunjang utama kepada objektif kajian. Pengkaji akan menerangkan dengan lebih lanjut berkaitan dengan asas kajian terhadap aspek-aspek psikologi yang terkandung di dalam komik Upin dan Ipin Keris Siamang Tunggal terhadap kanak-kanak. Pengkaji juga akan menghuraikan penggunaan teori psikologi untuk menjadi panduan dalam penulisan yang dilaksanakan. Menerusi bab ini, pengkaji akan menjawab persoalan yang telah dibawakan di dalam bahagian objektif kajian. Bab ini akan membincangkan hasil dapatan kajian yang telah dijalankan melalui kaedah kualitatif serta analisis teks yang dipilih seterusnya memberikan ulasan terhadap data-data analisis berkenaan. Analisis data yang didapati berkait rapat dengan objektif kajian agar ia tidak tersasar daripada landasan tujuan kajian.

Menurut Mohd Azhar Abd. Hamid (2007), perkembangan kognitif kanak-kanak adalah bertujuan untuk memberikan pendedahan awal terhadap tahap pemikiran mereka agar proses ke alam remaja dan dewasa mengalami perkembangan yang positif. Oleh hal yang demikian, kanak-kanak apabila dikelaskan mengikut 4 tahap yang berbeza itu dapat meningkatkan lagi kemampuan dalam memahami imu pengetahuan, menyelesaikan masalah, proses mengira dan mengingati dan tidak lupa juga bertindak dalam membuat apa-apa keputusan.

Teori psikologi adalah ilmu yang menjelaskan tahap perkembangan pemikiran manusia mengikut disiplin ilmu psikologi itu sendiri. Psikologi mempunyai ruang lingkup yang sangat terperinci. Menurut Jean Piaget (1896-1980), dan Max Wertheimer (1880-1943), antara aspek kajian berkaitan psikologi ini adalah dari aspek perkembangan

fizikal, perkembangan kognitif, sosial, emosi serta spiritual. Jean Piaget mengatakan perkembangan manusia bermula dari usia bayi sehingga ke usia lanjut.



**Gambar 2 : Watak-Watak Utama Komik Upin dan Ipin Keris Siamang Tunggal**

#### 4.1 Analisis Kajian

Penggunaan teori psikologi amat penting dalam memastikan kajian terhadap aspek-aspek psikologi yang terkandung di dalam komik Upin dan Ipin Keris Siamang Tunggal terhadap kanak-kanak boleh diadaptasi dengan bernas. Kajian ini pengkaji menggunakan teori psikologi yang diperkenalkan oleh tokoh psikologi barat terkenal iaitu Jean Piaget. Beliau banyak menganalisis proses pembesaran kanak-kanak dalam aspek pemikiran. Hal ini dikatakan demikian kerana kanak-kanak mempunyai tahap pemikiran berbeza-beza mengikut usia dan mengambil kira faktor persekitaran mereka. Pemikiran kanak-kanak sebenarnya mengandungi batasnya kerana tahap ilmu pengetahuannya yang belum matang. Maka, Jean Piaget memberikan 4 tahap pemikiran kanak-kanak mengikut tahap perkembangannya yang dimulai dengan tahap Senserimotor (usia 18 – 24 bulan).

Kedua, dinamakan dengan tahap Praopersional (usia 2 -7 tahun). Ketiga, dikenali sebagai tahap Operasi Konkrit (usia 7-11 tahun), Keempat pula ialah tahap Operasional Formal (usia 12 tahun).

Perkembangan seseorang individu iaitu kanak-kanak adalah berlaku secara berterusan dan mengalami penambahan. Akan tetapi, proses perkembangan mereka sebenarnya berbeza mengikut kelas umur. Komponen perkembangan psikologi ini menjadi nadi utama dalam asas ilmu kanak-kanak dengan mengambil keupayaan secara berfikir yang mempengaruhi semua tindak balas mereka. Selain itu, penguasaan kemahiran juga penting dalam mewujudkan pemahaman sesuatu konsep yang diajari. Dengan itu, kanak-kanak kini yang sedang mengalami proses psikologi dapat menaikkan lagi kemahiran kognitif ini dengan melakukan interaksi yang kerap terhadap kelas umur yang lebih atas bagi menambah pengetahuan dan pengalaman.

## **4.2 Ciri-Ciri Psikologi Kanak-Kanak Dalam Komik Upin Dan Ipin Keris Siamang Tunggal.**

### **4.2.1 Tahap Sensorimotor (Usia 18 – 24 Bulan)**

Menerusi tahap Sensorimotor ini, boleh dikesan bahawa pada usia sehingga 2 bulan ia adalah tahap awal yang dikenali dengan nama bayi untuk merasai, menggapai dan melihat persekitarannya bagi memberikan tindak balas. Walter (1963) memperkatakan bayi pada usia berkenaan tidak boleh bercakap, mengira ataupun menghafal namun, mereka mampu menggunakan deria dan pergerakan anggota fizikal dalam usaha untuk mengamati persekitaran. Justeru, pada peringkat permulaan ini, pemikiran mereka boleh diolah dengan sedikit sesi pembelajaran asas seperti melihat gambar, melakukan aktiviti sukan yang ringan dan lain-lain agar wujudnya tahap pemikiran yang kognitif yang baik.

Perkembangan tahap Sensorimotor dikatakan sebagai kata kunci dan proses *decentration* yang membawa makna bayi tidak boleh berpisah dengan lingkungan ataupun persekitaran kerana ia terbatas pada tempat-tempat tertentu seperti di dalam rumah. Pada usia sehingga 2 tahun mereka mewujudkan aspek pemahaman dengan dunia menerusi penglihatan, pendengaran, pergeseran dan sentuhan dan selera. Tegasnya di sini, kanak-kanak pada usia 2 tahun ini hanya mampu untuk mengungkap sesuatu melalui pancaindera yang ringan. Jean Piaget juga memperjelas perkembangan Sensorimotor adalah proses pembinaan pemikiran dasar bagi mengembangkan lagi tahap ilmu mereka. Sekiranya anak pada usia 2 tahun ini mampu bertindak balas terhadap persekitaran, anak tersebut boleh digelarkan seorang anak yang pintar mengikut kelas usianya kerana keistimewaan berfikir yang matang.

Duk!!....ha! ha! ha! ha!

Upin : Ehh..??

Ipin : “Lari Upin”

Kuek!!! Kuek!!! Bunyi ayam berkокok lalu Upin terjatuh

Ipin : Ha! ha! ha! Ipin ketawakan Upin yang terjatuh

Akhirnya mereka berhenti mengejar ayam kampung kerana sudah keletihan bermain.

(LES' COPAQUE, 2021)

#### 4.2.1 Memperkenalkan Kanak-Kanak Unsur Bunyi Terhadap Tindak Balas Mereka

Kanak-kanak pada usia permulaan sehingga 2 tahun yang dikenali sebagai tahap Sensorimotor ini memperjelaskan bahawa mereka sudah mampu untuk melihat sesuatu gambar khususnya yang berada di dalam komik Upin dan Ipin Keris Siamang Tunggal yang mana ia menunjukkan watak yang ceria, bersuka ria,

bermain-main. Hal ini dikatakan demikian kerana dengan mempamerkan unsur-unsur tersebut ia menjadikan kanak-kanak usia sehingga 2 tahun ini dapat berfikir untuk mengikuti juga perbuatan yang dilakukan oleh watak di dalam komik itu seperti berlari-lari, ketawa, dan bermain. Kanak-kanak usia sehingga 2 tahun ini di dalam fikiran mereka kebiasaanya tertumpu kepada perkara yang ringan dengan mencorakkan perkembangan untuk mereka cuba bercakap walaupun perkataan yang diucapkan tidak tepat namun, ia faham akan apa yang ia lihat dari kaca mata.

Oleh hal yang demikian, komik Upin dan Ipin mampu mempamerkan kepada aspek psikologi mereka dengan wujudnya unsur kesan bunyi yang ada dalam teks-teks dan gambaran yang sesuai. Seperti dialog yang diambil di atas didapati perwatakan Upin dan Ipin serta rakannya bermain bergembira yang menggambarkan elemen keseronokan yang boleh anak-anak peringkat Sensorimotor bertindak balas terhadap gambaran komik tersebut. Anak – anak usia ini jelas tidak mengetahui apa-apa maksud ataupun mengerti akan teks-teks komik namun, boleh menimbulkan reaksi psikologi dengan bayi ini melihat mereka gelak tawa, senyum, gembira, sedih, dan banyak lagi reaksi yang boleh ditunjukkan mereka dalam tahap perkembangan pemikiran sejak awal lagi. Ernawulan Syaodih (2003) perkembangan anak-anak dikatakan suatu proses perubahan perilaku daripada tidak matang menjadi matang. Hal ini dikatakan demikian kerana proses ini adalah evolusi yang utama bagi kelas pertama aspek psikologi kanak-kanak pada peringkat permulaan.

Upin dan Ipin : masuk ke bilik stor tepi rumah Tok Dalang dan berkata “sepahnya...” sambil menoleh ke kanan dan kiri.

Upin : Eee!

Tok Dalang : Atok meminta pertolongan Upin dan Ipin dengan berkata “sebab itu lah Atok ajak tolong kemas”.

Ipin : “Macam bilik kita”.

(LES' COPAQUE, 2021)

#### 4.2.2 Memberikan pendedahan awal ilmu asas terhadap kanak-kanak

Kanak-kanak perlulah dididik sejak awal lagi ibarat melentur buluh biarlah dari rebungnya agar mudah untuk mereka memahami dengan lebih luas berkenaan dengan ilmu asas seperti amalan membaca khususnya penggunaan komik sebagai media utama dalam memberikan sedikit hiburan tetapi pada masa yang sama adanya terselit pembelajaran yang boleh diambil anak-anak berusia 2 tahun ini. Dapat dilihat di sini bahawa anak-anak akan mencontohi perkara yang dilakukan oleh ayah dan ibu mereka kerana hanya itulah orang terdekat yang dapat dilihat dengan pancaindera. Anak-anak 2 tahun ini, biasanya hanya duduk di rumah sahaja melihat persekitaran yang agak terbatas. Pendedahan awal sememangnya keputusan yang tepat oleh kedua ibu bapa dalam usaha melahirkan anak yang pintar dan berkebolehan tinggi mengikut proses kematangan pemikiran mereka secara berperingkat. Penyampaian teks komik juga boleh digunakan untuk mengajarkan kepada anak-anak untuk mengenal huruf, belajar membaca dan melihat gambar sebagai kefahaman. Tegas juga teks-teks komik menggunakan ayat yang mudah difahami dan jelas supaya anak-anak 2 tahun ini akan lebih pantas belajar dan memahami lebih lanjut. Dengan itu, perkembangan pemikiran mereka akan meningkat dan boleh berfikir untuk melakukan sesuatu yang positif dengan mengambil faktor persekitaran.

Melalui penciptaan komik Upin dan Ipin Keris Siamang Tunggal ini mempamerkan gambaran lukisan dan kesan warna yang menarik dan mampu memberikan kanak-kanak rasa berminat untuk melihat. Paparan komik tersebut membantu proses pemikiran akal fikiran mereka untuk berfikir apa yang mereka saksikan dengan mata kecilnya.

Upin – Ipin : Ha! ha! ha! busuk mereka ketawakan Tok Dalang  
Tok Dalang : Dah, dah, dah, jangan nak ketawa. Kemas semua  
yang bersepeh  
Ni. Yang lain jangan usik.  
Kemudian rakan-rakan mereka Fizi, Ehsan dan Jarjit teriak  
memanggil untuk  
Ajak bermain. Sesaat kemudian, Mei Mei dan Susanti juga datang.  
Ipin : Tolonglah kemas sama-sama sambil mengangkat kotak  
yang penuh  
Dengan barang.  
Mei Mei : Boleh cepat-cepat pergi main maa! Mail jangan lari aa!  
Mail : Yela, yelah.  
Mereka bersama-sama membantu mengemaskan barang-barang  
yang Bersepeh itu.

(LES' COPAQUE, 2021)

#### **4.2.3 Menerapkan nilai-nilai murni dan contoh teladan yang baik**

Nilai-nilai murni perlulah diterapkan kepada anak-anak daripada mula lagi kerana kaedah yang sesuai dan relevan bagi mengajari mereka tentang kebaikan adalah menerusi tindakan secara langsung. Perkara ini menjelaskan anak-anak akan melihat secara terus mata kasarnya terhadap contoh yang dipertontoni ibu bapa ataupun media bacaan dan televisyen. Dalam kajian ini, anak-anak 2 tahun boleh diajari dengan mempamerkan komik bergambar agar mereka berasa teruja dan seronok. Di samping itu, pengkaji boleh mengetahui tahap perkembangan psikologi pemikiran kanak-kanak dengan berkesan mengikut kemampuan mereka itu sendiri. Anak-anak peringkat Senserimotor ini, merupakan permulaan bagi kelas-kelas tahap psikologi yang diperkenalkan oleh Jean Piaget. Walaupun begitu, tahap pemikiran yang dihasilkan oleh mereka amatlah penting dalam mengetahui proses berfikir yang matang sejak dari kecil sehingga ke usia 12 tahun.

### 4.3 Peringkat Pra Operasi (2 – 7 tahun)

Pada pengamatan Jean Piaget (2012), perkembangan peringkat Pra Operasi merupakan aspek utama dan penting dalam meningkatkan lagi kualiti psikologi pemikiran kanak-kanak. Pada peringkat ini, kanak-kanak mula menggunakan simbol dalam permainan mereka. Mereka mengandaikan bahawa setiap objek yang dipegang adalah permainan. Sebagai contoh, kanak-kanak usia 2 – 7 tahun menjadikan buku sebagai kereta jika ditolak di atas lantai. Akan tetapi, dari segi pemerhatian yang lain, pemikiran mereka masih lagi di tahap yang rendah berbanding dengan kelas usia seperti Operasi Konkrit yang lebih tinggi sedikit aspek pemikirannya. Justeru, untuk perkembangan kanak-kanak usia 2 hingga 7 tahun adalah bersifatkan egosentrik yang bererti anak-anak dalam dunia ini dilihat hanya berfokuskan terhadap perspektif mereka sahaja. Mereka begitu sukar untuk mengamati dan memahami perkara – perkara di sekelilingnya tetapi boleh berimajinasi tentang persekitaran dengan kuat. Pada usia ini, anak-anak suka berkhayal dan bermain untuk mengembangkan lagi daya kreativiti bagi mengetahui dengan lebih luas berasaskan tahap pemikiran yang ingin ditonjolkan.

Geduk, geduk...Kok!, kok!, kok!  
Tok Dalang : Aduh!  
Kok!, kok!...Tap!. tap!, tap!....Ploop!...Tuk!  
Tok Dalang: Bertuah punya ayam!

(LES' COPAQUE, 2021)

#### 4.3.1 Mempelajari Paparan yang Dilihat oleh Mata Mereka

Menerusi perkembangan tahap pemikiran peringkat Pra Operasi menjelaskan bahawa kemampuan anak ataupun kekuatan fikiran mereka masih belum matang namun, mereka boleh belajar dari paparan visual menggunakan mata sebagai alat penting bagi mengetahui tindak balas yang dihasilkan oleh anak-anak seusia 2 tahun

sehingga 7 tahun. Usia ini sangat sesuai untuk anak-anak mengalami perkembangan fikiran mereka dalam aspek pengamatan. Pengamatan mengajarkan kepada anak-anak supaya sedar akan dunia sekeliling dengan aspek penglihatan dengan memperkenalkan mereka mengenai bentuk, warna, dan perbezaan visual lainnya demi meningkatkan kefahaman nilai pemikiran psikologi yang dipamerkan. Kanak-kanak pada peringkat Pra Operasi boleh dikatakan telah pun mengalami pengalaman ilmu yang lebih berbanding dengan kelas peringkat Sensorimotor.

Pada peringkat usia sehingga 7 tahun kanak-kanak

Fizi : Yay! Kita dah balik!

Ehsan : Buka peti cepat!

Mei Mei : Cepat, cepat, buka cepat!

Susanti : Hati-hati ya.

Semua orang terkejut kerana ada seseorang yang datang.

Tok Dalang : Buat ape tu?

Upin : Atok! Rindu Atok!

Tok Dalang : Aihh.. Baru lima minit Atok tinggal...dah rindu?

Mereka terkejut apabila Tok Dalang berkata mereka ditinggalkan dalam stor hanya lima minit.

Tok Dalang : Wah, dah kemas! Bagus! Jom! Atok belanja makan ABCD.

Upin & Ipin : Jom! Atok! Cepatlah kitorang ada benda nak cerita ni.

(LES' COPAQUE, 2021)

#### **4.3.2 Melatih perkembangan berbahasa Anak-Anak secara berperingkat**

Secara amnya, anak-anak seawal usia 2 tahun hingga 7 tahun adalah masa yang sesuai bagi mengajarkan kepada mereka untuk bercakap walaupun bunyinya agak pelat ataupun kurang tepat tetapi, mereka berkemampuan untuk berbahasa dan memahami setiap ayat yang keluar daripada mulut. Tahap pemikiran mereka dalam peringkat Pra Operasional ini memberikan sedikit nilai tambah kepada anak-anak untuk mereka mudah bercakap dan mengenal segala huruf dan ilmu matematik sebagai

dasas ilmu pengetahuan kerana proses ini membentuk tahap pemikiran dan psikologi terhadap apa yang dirasai. Tidak dapat disangkal bahawa anak-anak dapat mengungkapkan idea dan pemikiran mereka dengan melontarkan kata-kata dan ini amat membantu agar mudah berkomunikasi dengan golongan dewasa ataupun boleh berinteraksi dengan kawan sebayanya.

Perkembangan kanak-kanak merupakan proses perubahan mereka untuk menguasai ilmu pembelajaran yang lebih tinggi seperti dalam aspek- aspek gerakan, cara berfikir, luahan perasaan dan interaksi yang positif antara kawan-kawan seusia. Secara amnya, proses pendidikan antara 2 hingga 7 tahun adalah proses yang sesuai bagi mengembangkan potensi kanak-kanak secara fleksibel tetapi perlu adanya pemantauan ibu bapa dan guru-guru agar tahap psikologi mereka dapat dijaga dan dipelihara dengan baik.

#### **4.3.3 Menerapkan Kebolehan Sosial Anak-Anak**

Kemampuan anak-anak untuk meningkatkan lagi tahap pemikiran mereka ialah melihat cara bersosial dengan orang lain. Perkembangan sosial dalam usia 2 hingga 7 tahun ini merupakan kunci utama supaya kita boleh melibatkan kebolehan mereka dari segi teknik dan gaya berkomunikasi, bertegur-sapa, cara pandangan yang membentuk jati diri dan personaliti yang dihasilkan. Mengikut peringkat Pra Operasi anak-anak lebih banyak bermain dan boleh bersama-sama rakan sebayanya sebagai contoh jika ibu bapa menghantar anak-anak mereka di taman permainan, kita dapat lihat anak-anak mudah bersosial dengan bermain satu permainan iaitu permainan gelongsor dan buaian. Kedua-dua permainan ini memerlukan lebih dari seorang untuk dimainkan dengan gelongsor dimainkan dengan menolak rakan sama juga seperti permainan buaian. Maka dengan itu, aktiviti sosial yang wujud ini

membantu mereka untuk mengadakan perbualan mengikut tahap ilmu bahasa yang mereka miliki.

#### 4.4 Peringkat Operasi Konkrit (7 – 11 Tahun)

Seterusnya, tahap psikologi pemikiran yang diperkenalkan oleh Jean Piaget ialah Operasi Konkrit. Menerusi tahap ini, anak-anak sudah mula menggunakan akal fikiran mereka secara kerap dengan meletakkan aspek logik dalam perkembangan kehidupan mereka. Anak-anak pada usia ini telah pun dihantar oleh ibu bapa ke sekolah untuk meningkatkan lagi tahap pemikiran dengan memberikan ilmu pengetahuan mengikut tahap usia 7 hingga 11 tahun. Pada tahap ini, anak-anak sering belajar perkara baharu yang diajarkan oleh guru-guru seperti mata pelajaran Bahasa Melayu, Matematik, Sains dan juga Bahasa Inggeris. Mata pelajaran tersebut dianggap sebagai penanda aras bagi anak-anak mampu menerapkan tahap pemikiran yang boleh diadaptasi oleh mereka. Pemikiran secara logik juga wujud dalam tahap ini, contohnya situasi jika gelas kosong dituangkan air pasti gelas tersebut mempunyai berat dan mempunyai isipadu dan sekiranya gelas yang diisi air tadi dituangkan ke dalam gelas yang lebih besar akan menampakkan jumlah yang sedikit tetapi jumlah isipadu air tersebut tetap sama. Dengan itu, tahap Operasional Konkrit merupakan tahap penting terhadap anak-anak dalam perkembangan kognitif psikologi bagi meningkatkan lagi keberkesanan pemikiran yang bersifatkan logik serta rasional menuju alam remaja dan dewasa kelak.

Fizi : Mana diorang ni?

Mail : Jalan je la!

Ipin : Shhhh!!

Mereka melihat seekor binatang yang sangat mirip dengan ayam

Mail : Hmm...ni kalau jual...

Ipin : Ada empat kepak!

(LES' COPAQUE, 2021)

#### 4.4.1 Menggalakkan Kanak-Kanak Mengenal Rupa, Bentuk dan Warna

Kanak – kanak pada peringkat operasional konkrit ini sudah tertumpu kepada pemikiran yang lebih efektif kerana usia 7 sehingga 11 tahun mereka sudah boleh membaca dengan betul, bercakap dengan fasih dan juga boleh menghafal serta mengira nombor. Dalam usaha menerapkan ilmu pembacaan yang lebih proaktif dan berkesan, komik merupakan bahan yang sesuai untuk mempraktikkan elemen pembacaan terhadap mereka dengan memasukkan ciri-ciri seperti gambaran visual yang menarik, bahasa yang jelas dan mudah difahami. Sebagai contohnya, teks diatas menunjukkan bahawa dalam komik mengajarkan kanak-kanak untuk mengetahui jenis haiwan iaitu mirip sekali dengan binatang bernama ayam. Binatang tersebut mempunyai kepak, 2 kaki, dan banyak lagi persamaan yang ada pada seekor ayam. Melalui teks-teks yang dipaparkan kepada mereka seperti komik ini boleh menaikkan minat dalam aktiviti membaca kerana apabila didedahkan amalan ini, membolehkan tahap pemikiran menjadi matang dan boleh berfikiran kreatif dan juga kritis. Selain itu, anak-anak boleh menambahkan pengetahuan dan pemahaman dengan luas mengikut batasan yang diperlukan. Amalan membaca mampu untuk membantu anak-anak memahami apa yang dibaca itu.

Ipin : Keris kecil je...Ini agaknya keris Siamang Tunggal...

Hek! Bunyi keris diangkat

Mail : Erggghhhh!!

Mei Mei dan Susanti melihat Mail cuba mengangkat keris sakti itu..

Jarjit : Mail! Mail!

Mail : Hmm.. Berat.

Fizi : Eleh tak kuat lah kau!

Upin dan Ipin : Biar kitorang pula cuba!..1..2...3

Jarjit : I can't believe it!

Mail : Haaa?!

Upin dan Ipin : Wahh.. Ringan je.

(LES' COPAQUE, 2021)

#### 4.4.2 Mempamerkan Teks-Teks yang Mengandungi Imu Pengetahuan

Seterusnya, melalui peringkat Operasional Konkrit anak-anak perlu diberikan pelbagai aktiviti berfaedah yang mampu merangsang pemikiran mereka ke arah yang lebih produktif. Ibu bapa memainkan peranan penting dalam perkara ini untuk memberikan persekitaran amalan membaca iaitu perlulah bersama dengan anak-anak membaca sebuah buku khususnya dalam kajian ini berfokuskan kepada bahan komik. Hal ini dikatakan demikian kerana kita akan melahirkan anak-anak yang cinta akan ilmu dengan mempromosikan bahan-bahan bacaan yang menarik di rumah lagi. Aktiviti berfaedah berkait rapat dengan aspek pembacaan kerana ia adalah amalan yang boleh dilakukan pada masa lapang oleh mereka. Sebagai contoh, dalam teks di atas mempamerkan watak Jarjit yang bercakap menggunakan bahasa Inggeris ketika Upin dan Ipin mampu mengangkat keris Siamang Tunggal. Perkara ini penting kerana jika anak-anak didedahkan dengan aktiviti – aktiviti tersebut tahap pemikiran akan mudah berkembang dan mampu bersaing dengan sihat dalam melontarkan idea-idea yang bernas terutamanya dalam berkomunikasi dengan orang yang lebih tua. Menerusi peringkat inilah kita boleh mengetahui minat, bakat, cita-cita, dan prinsip mereka dalam mendepani cabaran pembelajaran yang semakin sukar.

Ipin : Haah, kakak kitorang nama dia Ros

Upin : Walaupun garang,,,dia baik hati.

Ipin : Dia goreng ayam untuk kitorang.

Upin : Bila kita nakal,,, dia piat telinga kitorang

Ipin : Adoi,,,

Bawang Merah : Hahahahaha!

Upin & Ipin : Taoi macam mana kak Ros marah pun,,, dia tetap sayang kitorang, sebab dia kakak, kakak kan kena jaga adik-adik, betulkan kak?

Bawang Merah : Air yang dicincang tak akan putus, putih,,,di manakah kau? Merah rindukan putih. Merah maafkan Putih...

(LES' COPAQUE, 2021)

#### 4.4.3 Mendorong Kanak-Kanak Mengingati Sesuatu Perkara

Kanak-kanak perlu didedahkan dengan pengetahuan berkaitan apa yang mereka fikirkan dan hayati dalam fikirannya agar ia menjadi ilmu. Kamaruddin Husin (1997 : 4) memperkatakan pertumbuhan adalah proses perubahan yang akan dinilai mahupun diukur dari peringkat awal hingga akhir. Pertumbuhan juga ada kaitannya terhadap perubahan diri manusia iaitu dari segi kuantiti seperti aspek ketinggian dan berat badan. Kanak-kanak peringkat operasi konkrit berupaya untuk mengingati apa-apa yang berlaku terhadap sekelilingnya. Mereka mampu membayangkan perkara lepas dengan menceritakan ataupun menggambarkan mengikut cara fikirannya. Perkara ini menjadi fokus utama kepada kanak-kanak bahawa tahap psikologi dalam usia 7 hingga 11 tahun semakin meningkat dengan mengajarkan kepada mereka ilmu hafalan. Aktiviti menghafal ataupun mengingati adalah kegiatan yang berfaedah. Sebagai contoh dalam teks Upin dan Ipin di atas menunjukkan mereka ingat akan cara Kak Ros marah sama dengan watak yang dimainkan oleh Bawang Merah. Maka, menerusi teks tersebut mengajarkan kepada kanak-kanak untuk belajar menghafal kerana apabila kita melihat, membaca, merasai, kita akan mampu ingat.

#### 4.5 Peringkat Operasi Formal (12 Tahun )

Peringkat operasi formal menerangkan tentang operasi mental dalam aspek abstrak dan penggunaan simbol yang melahirkan bentuk fizikal dan bersifat konkrit. Namun demikian, kanak-kanak seusia 12 tahun sudah fahami semua perkara yang mereka tidak terlibat mahupun alami secara langsung. Selain itu, mereka ini boleh membentuk dan mencari pelbagai maklumat dalam mewujudkan representasi mental pada situasi yang dihadapinya dengan sesuatu yang logik mengikut akal fikiran. Kanak-kanak 12 tahun dalam kelas perkembangan kognitif Jean Piaget

merupakan peringkat akhir dalam meneliti pemikiran mereka. Mereka dalam tahap operasi formal telah menggunakan kaedah pemikiran yang matang mengambil pendekatan saintifik yang mampu kanak-kanak ini berfikir secara abstrak serta mampu mengendalikan isu yang agak kompleks. Dalam pada itu, tahap operasi formal ini menunjukkan mereka boleh berfikir secara induktif dan juga deduktif yang membolehkan perkembangan psikologi bertambah matang dan lebih proaktif. Menerusi usia 12 tahun ini juga mereka mampu menerapkan sesuatu rumusan atau kefahtaman umum aktiviti pengiraan seperti bidang matapelajaran Matematik. Mereka sudah mengenal simbol-simbol Matematik menggunakan kaedah logik dalam usaha menggambarkan ilmu yang memiliki konsep yang abstrak.

Mat Jenin : Seronoknya... kalaulah aku dapat rambut itu!  
Sehelai ..Sepuluh emas.. Dua helai...Dua puluh emas.Sembilan helai!...90 emas! Wah! Boleh kahwin dengan anak raja! Ha! ha! ha!. Ahhhh!!!

Bunyi ape tu? Batu belah batu bertangkup! Erggh!! Rambut?!  
Kena... ambil... rambut! Aku nak jadi... kaya! Aduh!!

Bunyi gedebuk Upin, Jarjit, Ehsan dan Mei Mei jatuh terhempap  
Mat Jenin.

(LES' COPAQUE, 2021)

#### **4.5.1 Melahirkan Anak-Anak yang Berkehendak dan Berkeyakinan**

Perkembangan psikologi peringkat operasi formal berusia 12 tahun ke atas lebih dikenali sebagai perubahan tingkah laku yang lebih sistematik. Segala proses perubahan ini dapat membantu kanak-kanak dalam mencapai tahap kematangan yang penuh di lewat kelas usia 12 tahun. Peringkat operasi formal dapat membentuk penakulan dan fikiran secara abstrak bertujuan mempamerkan kemahiran menggunakan sumber hipotesis mahupun prinsip penyelesaian terhadap maslaah yang berbentuk konkret dan sukar. Pada peringkat ini juga kanak-kanak mampu

melakukan proses mental ke atas idea-idea ataupun membuat sebarang jangkaan yang berlandaskan fakta dan logik. Dalam pada itu, pemikiran mereka sudah tidak terikat dengan bahan-bahan konkrit kerana mereka sudah memiliki akal fikiran yang matang dengan mengambil kira secara abstrak dan perlu membuat hipotesis. Sebagai contoh, dalam teks yang ditulis di atas mengatakan bahawa mereka dapat berfikir secara waras dengan melihat watak Mat Jenin yang suka mengira beberapa helai rambut yang didapatinya untuk mendapatkan ganjaran yang lumayan dengan mengira anggaran jumlah yang diperoleh nanti. Dengan itu, pemikiran kanak-kanak usia 12 tahun adalah kemuncak bagi mereka dalam usaha mengecapi tahap psikologi.

Upin : Nek...? Neneh nak pisang salai? Itu anak neneh ya? Macam mana neneh sumpah dia?

Neneh : Isk...Isk...Isk

Upin : Nek, janganlah sedih.

Neneh : Neneh kesal bertindak terburu-buru...tak sabar..Hati mak dah lama maafkan kau Tanggang, Mak maafkan kau Tanggang!

(LES' COPAQUE, 2021)

#### 4.5.2 Memahami Sesuatu Perkara Dengan Hadirnya Perasaan Dalam Diri

Melalui peringkat akhir kanak-kanak dalam kelas operasi formal sudah mengenal erti perasaan terhadap orang sekeliling dengan mengetahui tentang cinta, sedih, marah, kecewa, dan juga gembira. Perasaan tersebut memberikan psikologi terhadap pemikiran mereka yang akan berkembang dalam menuju kearah alam remaja kelak. Perasaan merupakan suatu pengalaman subjektif yang menitikberatkan reaksi manusia secara emosi iaitu dari segi ransangan, peristiwa, mahupun mengikut keadaan tertentu. Perasaan lebih bersifat peribadi dan boleh

divariasi dari individu kepada individu yang lain. Kanak-kanak 12 tahun sudah jelas sedar akan perkara yang berlaku di sekeliling mereka. Contohnya dalam situasi apabila rakan sebaya mereka yang baru sahaja kehilangan ahli keluarga dan ini akan mewujudkan rasa simpati, sedih akan kesedihan orang lain. Mereka boleh merasa sifat orang lain dan menilai sendiri perubahan tersebut dengan konsep psikologi yang diperkenalkan oleh Jean Piaget. Debagai contohnya, dalam teks yang dipilih diatas menunjukkan Upin dan Ipin dan rakan-rakannya mengatakan ucapan rindu kepada Tok Dalang apabila sudah hilang memasuki alam lain. Tetapi, Tok Dalang mengatakan hanya ditinggalkan lima minit sahaja Atok keluar sudah rindu. Hal ini dikatakan demikian kerana kanak-kanak yang sudah matang akan merasakan perasaan dalam diri mereka terhadap orang lain.

Tujuh petala langit menyeru namanya..  
Tujuh petala bumi gerun akannya..  
Keris sakti merungkai rahsia...  
Hilang di dunia, tiada jejaknya...  
Kurun berkurun silih berganti...  
Sehingga ia ditemui kini...

Raja Bersiong : Siamang...Zushh!!! Wooshhh!!...pling!!  
Erghh!!! ..Duk!!... Hah!!!!...Dapatkan keris itu!!... Arghhh!!!!

(LES' COPAQUE, 2021)

#### 4.5.3 Melatih Penggunaan Bahasa Yang Betul

Bahasa diertikan sebagai sistem komunikasi yang digunakan oleh manusia untuk berinteraksi antara satu sama lain bagi menyampaikan maklumat, teguran, emosi dan sebagainya menerusi simbol-simbol, kata-kata, mahupun tanda-tanda yang mempunyai maksud yang disepakiti. Bahasa adalah medan utama yang memberikan laluan mudah bagi kanak-kanak khususnya usia 12 tahun untuk

menajamkan penggunaan bahasa mereka dengan betul. Apabila kanak-kanak dapat bercakap dengan betul serta lancar, mesej yang ingin disampaikan oleh mereka akan jelas dan mudah difahami. Hal ini akan menunjukkan perkembangan yang pesat mengenai aspek psikologi yang ditampilkan terhadap khalayak. Amalan pembacaan amat penting untuk memantapkan lagi kefasihan berbahasa kanak-kanak 12 tahun kerana usia inilah yang paling sesuai bagi meningkatkan kualiti pemikiran. Kanak-kanak yang suka membaca akan mudah mendapatkan idea-idea berbanding kanak-kanak yang kurang membaca. Mereka yang minat membaca boleh bercakap dengan bahasa yang bernas dan berkesan daripada kanak-kanak yang yang kurang membaca menampakkan ia pasif dan gagap apabila bercakap. Contoh teks diatas menyaksikan ayat tersebut dapat mengajarkan kepada kanak-kanak akan perkataan baharu dan indah. Bahasa yang digunakan pun memiliki makna yang tersurat dan tersirat memberikan kefahaman menyeluruh agar mereka dapat menghuraikan sesuatu perkara dengan tepat.

#### 4.6 KESIMPULAN

Secara tuntasnya, menerusi objektif pertama dalam kajian ini dapat pengkaji dapat memberikan ciri-ciri psikologi kanak-kanak dalam komik Upin dan Ipin Keris Siamang Tunggal. Dapat diketahui bahawa empat peringkat kelas umur yang diperkenalkan oleh Jean Piaget sangat membantu menjayakan kajian yang ingin dilakukan. Kelas umur kanak-kanak bermula dari peringkat Sensorimotor (sehingga 2 tahun). Seterusnya proses psikiologi ini dibawa ke peringkat Pra Operasi (2 hingga 7 tahun). Selain itu, peringkat Operasi Konkrit adalah umur dalam pertengahan (7 tahun hingga 11 tahun). Selanjutnya, peringkat kemuncak dikenali sebagai Operasi Formal (12 tahun dan ke atas). 4 peringkat umur ini

memainkan peranan yang amat penting dalam memastikan psikologi kanak-kanak mengalami perkembangan yang berbeza-beza dengan mengambil faktor di sekeliling mereka. Jelas juga, komik Upin dan Ipin Keris Siamang Tunggal mempamerkan teks-teks yang ilmiah sesuai dengan kanak-kanak. Bahasa yang terkandung di dalam teks ditulis dengan jelas serta mudah difahami mereka.

#### **4.7 Pemikiran Kanak-Kanak Menggunakan Teori Psikologi Tentang Komik Upin Dan Ipin Keris Siamang Tunggal**

Menerusi objektif kedua, pengkaji akan menganalisis pemikiran kanak-kanak menggunakan teori psikologi tentang komik Upin dan Ipin Keris Siamang Tunggal. Dalam bab ini, pengkaji akan lebih meneroka dengan lebih mendalam lagi mengenai tahap pemikiran kanak-kanak apabila mereka membaca, melihat, memahami dengan sepenuh hati dalam Komik Upin dan Ipin Keris Siamang Tunggal. Tidak lupa juga, penggunaan teori Psikologi yang diperkenalkan oleh Jean Piaget digunakan sebagai sumber rujukan bagi memastikan setiap analisis kajian yang dilaksanakan akan dilihat terperinci dan mampu memudahkan pemahaman berkaitan tajuk kajian ini.

Secara ringkasnya, bahan bacaan cerita kanak-kanak ini merupakan sebuah teks yang mampu dibaca dan difahami oleh mereka serta mengandungi unsur-unsur hiburan dan juga pengajaran keadaan pembentukan psikologi kanak-kanak. Bahan bacaan yang ditulis hendaklah mengikut perkembangan psikologi sama ada dalam aspek bentuk maupun isi yang ingin disampaikan kepada para pembaca terutamanya kanak-kanak. Penulis juga harus mengetahui dan memahami tahap perkembangan kanak-kanak mengikut peredaran masa dan mengambil kira faktor persekitaran agar segala isi kandungan buku diharapkan berkesan dalam melahirkan psikologi pemikiran kanak-kanak yang matang dan berkembang.

Sudah terang lagi bersuluh, bahan bacaan berjudul Upin dan Ipin Keris Siamang Tunggal dapat merangsang emosi dan pemikiran kanak-kanak menerusi pembentukan kerohanian, jati diri, perwatakan, sosial dan sebagainya. Oleh itu, pengkaji akan memberikan sepuluh nilai-nilai yang terkandung di dalam komik ini dengan menggunakan teori psikologi.

#### **4.7.1 Pemikiran Kanak-Kanak dalam Aspek Nilai**

Nilai membawa makna sesuatu yang bernilai dan amat berharga bagi kehidupan semua manusia. Nilai merupakan kata benda berbentuk abstrak yang wujud dalam diri seseorang individu. Nilai yang baik boleh dijadikan sebagai sebuah simbolik dalam kehidupan yang boleh mendorong seseorang agar melakukan perbuatan yang membawa kepada keberuntungan semata-mata manakala nilai yang buruk mempamerkan impak yang bersifat negatif terhadap diri dan orang lain. Oleh hal yang demikian, nilai ditakrifkan di dalam buku ‘Perkembangan Kanak-Kanak’ karya Mohd Hanip Haji Hassan (2021). sebagai perkara yang dianggap baik dan memiliki peranan yang besar. Hal ini dikatakan demikian kerana ia ada kaitannya dengan sebuah kepercayaan yang perlu ataupun sebaliknya untuk dilakukan oleh seseorang iaitu seperti keikhlasan dalam melakukan pekerjaan.

Halstead, J. M., & Taylor, M. J. (2000) menyatakan tatacara antara kaedah terbaik dalam memperkenalkan nilai sesebuah adab yang ada dalam diri kanak-kanak sebagai bentuk proses perkembangan akal psikologi mereka. Menerusi bacaan yang dilakukan kanak-kanak boleh melatih mereka dari aspek percakapan, disiplin, dan pergaulan. Teknik bercerita dalam bahan bacaan kanak-kanak

hendaklah dipersembahkan dengan daya tarikan yang berkesan dan mudah difahami dengan bahasa yang jelas sesuai dengan pembentukan psikologi mereka.



**Gambar 3 :** Pemikiran Kanak-Kanak Terhadap Nilai

Belalang : Minum lah, jangan malu-malu.

Upin, Fizi, Mail dan Susanti melihat Belalang membuat air minuman menggunakan belakang kuali.. Eeeee...

Belalang : Sedap?

Fizi : Sedap!

(LES' COPAQUE, 2021)

Konsep kawalan minda untuk kanak-kanak dapat mempelajari sesuatu ilmu tentang nilai ialah dari segi kognitif yang diperhalusi dalam aspek sains sosial serta tingkah laku. Dalam erti kata lain juga, kanak-kanak juga perlu diajari dengan ilmu etika dalam diri mereka. Etika membawa makna bentuk kehidupan yang baik yang dipertontonkan oleh manusia terhadap orang sekeliling dengan memasukkan elemen moral.

Melalui dialog di atas, komik Upin dan Ipin Keris Siamang Tunggal mengandungi pelbagai unsur nilai yang baik terhadap kanak-kanak dari peringkat

awal hingga akhir. Apabila kanak-kanak ini memahami proses psikologi mereka akan bertindak mengikut gaya pemikiran mereka. Sebagai contohnya, dari aspek pergaulan, kanak-kanak akan lebih mudah dan selesa berinteraksi khususnya dari kelompok mereka. Apabila kanak-kanak ini dididik dengan betul dari kecil maka mereka akan menunjukkan sifat yang baik, budi pekerti, sopan santun dan sebagainya.

Dialog di atas menunjukkan watak Belalang yang melayani tetamunya iaitu Upin dan Ipin serta rakan-rakan yang datang ke rumahnya. Hal ini menunjukkan watak yang dimainkan oleh Belalang ini boleh merangsang pemikiran kanak-kanak untuk sentiasa berbuat baik kepada semua orang. Walaupun Belalang baru sahaja mengenal Upin dan Ipin namun kebaikan yang dipamerkan haruslah menjadi contoh dan nasihat kepada kanak-kanak dalam berkawan.

Tegas bahawa kanak-kanak pada peringkat 2 hingga 7 tahun iaitu tahap Pra Operasional dilihat menjadi penanda aras untuk mereka mengetahui tentang aspek nilai dalam diri. Oleh itu, kanak-kanak hendaklah mengamalkan nilai-nilai positif akan bijak memilih kawan-kawan yang mempunyai akhlak terbaik dalam etika serta pergaulannya. Menerusi bacaan yang ada di dalam komik Upin dan Ipin Keris Siamang Tunggal akan memperbanyakkan lagi pembentukan akhlak dan etika kanak-kanak untuk membentuk mereka mengenali nilai-nilai seperti kasih sayang, tolong-menolong, baik hati, semangat setia kawan dan banyak lagi.

#### **4.7.2 Keberanian Menempuh Cabaran**

Umum mengetahui bahawa keberanian merupakan perwatakan yang memberikan perilaku yang wajar dan patut dijadikan sebagai contoh terhadap manusia. Semangat yang berani ini diperlukan adalah disebabkan ia boleh

membantu untuk membentuk seseorang tersebut dihormati dan disanjungi oleh masyarakat. Menurut Wan Marzuki Wan Mohd Noor (2010) memberikan pandangan sifat berani dikatakan sebagai kesanggupan dalam mengerjakan sesuatu perkara dengan penuh cabaran yang perlu ditempuh.

Hal ini menunjukkan keberanian dicerminkan dengan kesanggupan seseorang dalam melakukan apa-apa dengan mengambil risiko yang bakal ditanggungnya. Maka, sifat berani ini perlu dipupuk dalam diri kerana kita boleh menegakkan setiap keadilan serta keamanan dapat tercapai. Mohd Firdaus Che Yaacob (2015) mengatakan berani dilihat apabila manusia bertindak melakukan sesuatu hal dengan mengharungi bermacam-macam liku getir halangan serta sanggup berjuang walaupun terpaksa berhadapan dengan risiko yang sangat mengancam nyawa.



Gambar 4 : Keberanian Menempuh Cabaran

Nakhoda Ragam : Panglima! Nujum... Dayang...

Mat Jenin : Jangan apa-apakan mereka.  
Raja Bersiong : Kau nak lawan aku dengan keris tu?  
Pak Belalang & Mak Deruma : Tuanku! Baca di keris itu!  
Mat Jenin : Dua Sinar....Dua Sinar! Dua Sinar Sebagai Petanda...Hilang Gelap, Datang Cahaya....Dua Jiwa Menjadi Pembela...Keris Lama Bertaut Semula... Sinar Bahagia Kembali Akhirnya! Wooshh!...Roarghhh!!  
Raja Bersiong : Perlawan yang sia-sia. Grrr?!

Grooarr!!!  
Upin dan Ipin : Habislah!.....Tiga lawan satu! Jom! Hiyahh!  
Aaarghh!!

(LES' COPAQUE, 2021)

### Keberanian yang terkandung di dalam Komik Upin dan Ipin Keris Siamang

Tunggal menunjukkan sikap menerusi dalam mempertahankan diri. Dalam kisah ini, Upin dan ipin dan rakan-rakannya yang terperangkap di dalam alam lain perlu membantu seorang wira untuk membangkitkan Keris yang bernama Siamang Tunggal untuk melawan kejahanan yang amat berkuasa di alam itu. Upin dan Ipin bersama rakan-rakannya menunjukkan sikap yang berani dengan memerlukan elemen kebijaksanaan dan keupayaan memanipulasi keadaan seperti babak Upin dan Ipin diselamatkan oleh Belalang dan ayahnya dengan membawanya ke suatu pintu rahsia di rumahnya yang terus menuju ke tempat lain agar dapat milarikan diri daripada sekumpulan Reriang yang sangat berbahaya. Demi menjaga Keris Siamang Tunggal Upin dan Ipin sanggup menggadai nyawa agar keris ini tidak berada di tangan yang salah dan ia perlu diberikan kepada yang hak dan seseorang yang layak untuk memiliki.

Nilai keberanian boleh dipupuk oleh kanak-kanak dengan meletakkan peringkat Operasi Formal amat sesuai kerana pada usia 12 tahun dan ke atas kanak-kanak boleh berfikir dan bertindak sendiri tanpa memerlukan tunjuk ajar. Kanak-kanak 12 tahun dikatakan usia yang berada di tahap maksimum bagi tahap psikologi

yang dibawa oleh Jean Piaget. Jelaslah Komik Upin dan Ipin Keris Siamang Tunggal memberikan pengaruh yang baik kepada mereka terutamanya mempelajari konsep keberanian dalam diri. Hal ini kerana kanak-kanak hendaklah mempunyai sifat berani agar menjadi tunjang utama kepada matlamat serta prinsip dalam kehidupan.

#### **4.7.3 Wujud Rasa Belas Kasihan**

Menurut Ghazali, M.A (1987 : p,92) nilai kasih sayang sebenarnya nilai yang perlu ada dalam diri manusia supaya ia dapat melahirkan kelembutan hati untuk memberikan rasa belas kasihan. Rozak, P . (2017 : p, 177) memperkatakan belas kasihan ada kaitannya dengan sifat rendah diri terhadap orang serta memahami keadaan seseorang yang ditimpa masalah dan musibah. Belas kasihan ini pada masa kini sudah semakin pupus dengan kebanyakannya masyarakat mengambil endah tak endah degan sesuatu perkara yang terjadi. Jelas bahawa belas kasihan sebenarnya, satu nilai yang baik yang dipertonjolkan oleh manusia yang memiliki hati yang murni untuk merasa kasihan terhadap kehidupan orang lain. Kita perlu sedar bahawa bukan semua orang dapat menjalani kehidupan sama seperti kita khususnya dalam aspek pekerjaan, tempat tinggal, makanan dan minuman dan sebagainya.



**Gambar 5 : Rasa Belas Kasihan**

Bawang Merah : He! Saya Bawang Merah. Penunggu gua cerita ini.

Nakhoda Ragam : Aneh, sepatutnya tiada siapa yang tahu akan tempat ini. Mengapa kau berada di sini?

Bawang Merah : Dulu...

Upin : Cerita lah, cerita lah!

Bawang Merah : Sebenarnya, Merah dipenjarakan di sini. Akibat difitnah Bawang Putih....adik Merah sendiri.

Bawang Putih : Putih tak patut buat dia begitu. Putih rasa bersalah dan kesal sangat. Putih teringin nak jumpe dia...dan minta maaf.

Mei Mei : Tapi, kenapa akak dalam penjara?

Bawang Putih : Kerana...akak jahat fitnah kakak sendiri.

(LES' COPAQUE, 2021)

Melalui dialog di atas menunjukkan Upin dan Ipin digambarkan sedang memahami perasaan Bawang Merah dan Bawang Putih berkenaan dengan konflik yang pernah berlaku antara mereka berdua. Sebenarnya Bawang Merah dan Putih merupakan adik-beradik yang sudah lama berpisah dan tidak pernah berjumpa. Namun demikian, hubungan mereka ibarat seperti aur dengan tebing iaitu saling memerlukan. Walaupun ada pergaduhan antara kita, janganlah kita bertindak melulu dengan melakukan perkara-perkara yang di luar kawalan. Seperti mana di

dalam babak Bawang Putih yang memenjarakan Bawang Merah kerana difitnah oleh adiknya sendiri. Maka, Bawang Putih yang kini menyesal akan perbuatannya yang menghukum kakaknya Bawang Merah tanpa usul periksa.

Dari sisi lain pula, kanak-kanak yang berada di peringkat usia Operasi Konkrit iaitu berusia 7 sehingga 11 tahun dapat merasai akan rasa belas kasihan terhadap kesusahan orang lain. Mereka boleh melihat dengan mata sendiri dan melakukan proses psikologi dengan mengambil tindakan dengan mendengar luahan hati seseorang khususnya rakan-rakan mereka yang sedang dalam kesusahan hidup. Perwatakan yang dibawa oleh Upin dan Ipin ini sesuai dipamerkan kepada kanak-kanak kerana nilai belas kasihan perlu dipupuk sejak kecil lagi agar mereka memahami peka sesuatu keadaan dan penderitaan orang di sekeliling mereka. Solusi yang baik kita sebagai manusia hendaklah menjadi pendengar yang baik, memberikan pandangan yang bernes dan bermotivasi tinggi terhadap orang yang tidak bernesib baik. Rasa belas kasihan wujud dalam diri manusia bukanlah semata-mata hanya dirasai di dalam hati tetapi, ia perlu diberikan pertolongan dan sanjungan serta sokongan moral agar kita boleh memberikan semangat kepada orang lain agar sentiasa bersabar dengan dugaan dan ujian dari tuhan kerana ia adalah tanda kasih sayang pencipta kepada hambaNya.

#### 4.7.4 Sikap Baik Hati

Nilai baik hati merupakan salah satu nilai moral yang wajib ada pada setiap manusia kerana ia menunjukkan keperibadian seseorang terhadap orang lain. Baik hati adalah sifat yang disukai oleh masyarakat khususnya kita sebagai orang Melayu yang dikenali sebagai bangsa yang baik dan sopan. Sejak zaman nenek moyang bangsa Melayu mempunyai identiti yang melambangkan kebaikan. Dengan

kehadiran agama Islam dapatlah kita cakna bahawa Melayu dan Islam amat berkait rapat antara satu sama lain.

Menurut Kamus Dewan (2016), baik hati membawa erti perbuatan yang baik dan perlakuan secara sempurna dan matlamatnya memberikan manfaat kepada masyarakat. Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2018), nilai baik hati memberikan gambaran tentang satu perlakuan yang mencerminkan keprihatinan manusia terhadap orang lain tanpa memikirkan dirinya. Dalam pada itu, sikap baik hati membolehkan kita untuk melahirkan rasa ikhlas dalam hati menerusi rasa belas kasihan terhadap orang yang mempunyai beban ataupun masalah dengan kita datang untuk membantu menyelesaikan masalah – masalah mereka.



Gambar 6 : Sikap Baik Hati

Ipin : Terima kasih lah sebab-

Belalang : Bayarannya dua emas!

Mail : Kena bayar?!

Belalang : Mestilah! Bukannya senang nak kalahkan Reriang!

Kenapa Reriang kejar korang?

Fizi : Kitorang ni sesat!

Belalang : Hmm....

Ipin dan Rakan-Rakannya : Kenapa ni? Gelapnya.

Belalang : Ikut aku!

(LES' COPAQUE, 2021)

Berdasarkan contoh dialog di atas, terdapat nilai yang dinamakan baik hati menerusi sikap yang muncul dalam watak Belalang iaitu seorang kanak-kanak yang baik hati membantu Ipin dan rakan-rakannya daripada ditangkap oleh sekumpulan makhluk yang jahat bernama Reriang. Hal ini dikatakan demikian kerana Belalang dapat merasakan aura jahat ingin menangkap Ipin dan rakan-rakannya. Walaupun tidak kenal dan wujud di dunia yang berbeza, Belalang dengan sifat baik hati membantu orang lain yang ditimpa kesusahan serta menyelamatkan seseorang daripada anasir jahat.

Melalui dialog tersebut juga dikenal pasti ada ayat ipin mengatakan kepada Belalang ‘Terima Kasih’ menunjukkan bahawa orang yang diberikan pertolongan akan mengucapkan perkataan terima kasih. Perkara ini sudah menjadi kebiasaan di mana jika orang yang baik menolong kita, kita hendaklah membalaunya dengan ungkapan terima kasih agar ia sebagai tanda kita mengenang budi mahupun jasa kepada orang itu. Dapat dilihat di sini, sikap baik hati dipamerkan di dalam komik Upin dan Ipin Keris Siamang Tunggal. Pada peringkat ini, kanak-kanak boleh diperkenalkan dengan nilai baik hati melalui kelas usia Operasi Konkrit iaitu usia 7 hingga 11 tahun. Kanak-kanak seawal usia 7 tahun dikatakan oleh Jean Piaget mampu membaca dan menghafal sesuatu perkara khususnya bacaan Komik Upin dan Ipin Keris Siamang Tunggal.

#### 4.7.5 Konsep Keadilan

Keadilan boleh dikatakan sesuatu keadaan mahupun situasi yang menunjukkan setiap perkara adalah sama rata tanpa ada rasa sikap pilih kasih terhadap orang lain. Menerusi keadilan ia meliputi dari aspek politik, ekonomi dan sosial.yang menjelaskan keadilan perlu dititikberatkan tidak mengira agama, jantina, agama, bangsa dan sebagainya. Setiap masyarakat diseru agar perlu bersikap adil supaya tiada isu diskriminasi terhadap sesuatu perkara yang bertentangan dengan prinsip hidup manusia.

Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) mengatakan makna keadilan itu meliputi segala aspek tindak-tanduk yang dipamerkan kepada masyarakat hatta melalui percakapan, penulisan dan perilaku yang diambil diputuskan secara adil dan sama rata agar kedua-dua belah pihak bersetuju dengan perkara yang diaturkan. Sikap adil dan saksama ialah satu sikap untuk menunjukkan sesuatu individu itu tidak membuat keputusan yang mementingkan diri tanpa memikirkan orang lain. Menurut Kamus Dewan (2016), kata ‘adil’ boleh didefinisikan meletakkan sesuatu kepada asalnya yang betul dan kata ‘saksama’ diertikan cermat, hati-hati. Maka, nilai keadilan boleh dilihat dalam aspek kepimpinan sesuatu tumpuk pemerintahan di mana ketua negara wajib berlaku adil ke atas rakyatnya dan perlu membantu orang yang memerlukan agar rakyat dapat hidup dengan aman dan mencukupi.



**Gambar 7 : Konsep Keadilan**

Mat Jenin : Yang hak akan membela Siamang Tunggal akan bersama, air mata merungkai segalanya!

Upin dan Ipin : Woahhh!!!

Mat Jenin : Raja Bersiong!

Raja Bersiong : Akhirnya yang hak kembali bersama keris...

Mat Jenin : aku akan hapuskan kau dengan keris ini!

LES' COPAQUE, 2021)

Menerusi contoh dialog di atas menceritakan tentang nilai keadilan boleh dilihat menerusi watak yang dibawa oleh Mat Jenin yang ingin membela keadilan terhadap Ayahandanya serta rakyatnya yang pada waktu dulu hidup di Ideraloka dalam keadaan aman dan harmoni. Namun kuasa jahat yang menguasai ilmu sihir sudah merampas tampuk kepimpinan kerajaan.

#### 4.7.6 Melahirkan Semangat Setia Kawan

Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2015), kawan atau sahabat diistilahkan sebagai bentuk hubungan yang sangat unik dan istimewa. Bertitik tolak dengan hubungan ini dapat diperhalusi bahawa kawan atau sahabat ini merupakan orang yang rapat dengan kehidupan kita tetapi tidak mempunyai hubungan darah daging. Mereka ini juga dikatakan sebagai individu yang menjadi rujukan dalam setiap isu

dan permasalahan yang berlaku terhadap diri kita. Mereka juga sebagai pendengar yang baik sekiranya kita ingin meluahkan sesuatu perkara untuk dijadikan tempat saranan agar mudah mendapatkan kata-kata motovasi dan semangat dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi.

Dalam pada itu, menurut Azmin Yusof dan Muhammad Ismail Abdullah (2017), mengatakan dalam hubungan persahabatan berkait rapat dengan perasaan ikhlas tanpa ada batasan tanpa ada sebarang unsur kepentingan diri. Berdasarkan konteks kajian ini, kanak-kanak mampu menggunakan tahap perkembangan akal psikologi mereka dalam mencari kawan-kawan untuk berkenalan agar dapat bermain bersama-sama, bertukar pendapat mahupun berkomunikasi sesama mereka.



**Gambar 8 : Semangat Setia Kawan**

Upin : Boleh kita semua balik!

Belalang : Jangan balik...nanti aku tak ada kawan.

Upin dan Rakan-rakan : Kau ikut kitorang. Mari lah!

Belalang : Tapi, aku tak boleh tinggalkan bapak aku.

Mat Jenin : Sebab itu mereka kena balik. Mereka rindukan keluarga mereka.

Ipin : Tak sabar nak jumpa Opah dengan akak!

Pak Belalang : Dengartu! Batu Belah Batu Bertangkup dah terbuka!

Mat Jenin : Kalau nak balik, kita harus segera ke sana.

Ipin : Macam mana nak ke sana? Jauh tu.

(LES' COPAQUE, 2021)

Melalui dialog di atas, kisah Upin dan Ipin Keris Siamang Tunggal mendidik kanak-kanak berkaitan dengan kekuatan nilai semnagat setia kawan. Nilai persahabatan dibina dengan ilmu kefahaman serta wujudnya kepercayaan yang mendalam dengan mengambil kira tempoh perkenalan masa yang lama. Menerusi kajian yang dijalankan usia remaja merupakan masa kita memiliki kawan yang ramai, terutamanya di sekolah. Persahabatan yang dibina dalam diri seseorang itu mengambil faktor mereka kerap bersama, bergaul antara satu sama lain sehingga melahirkan rasa kasih dan cinta dalam jiwa tentang mengasihi hubungan yang amat bermakna itu.

Kisah Upin dan Ipin memang diciptakan untuk menggambarkan nilai setia kawan yang kukuh. Perkara ini sesuai dengan konsep pemikiran kanak-kanak yang memerlukan contoh khususnya dalam aspek hiburan dan permainan. Peringkat Operasi Formal juga dikatakan tahap perkembangan yang paling sesuai untuk kanak-kanak mengerti makna sebenar persahabatan. Hubungan persahabatan yang terkandung di dalam kisah Upin dan Ipin Keris Siamang tunggal boleh diambil dari teks yang menunjukkan Belalang yang tidak mahu kehilangan Upin dan Ipin dan meminta mereka kekal di dunia Ideraloka. Namun disebabkan mereka hidup di dunia yang berbeza, perpisahan yang menjadi saksi akan keretakkan hubungan ikatan persahabatan ini.

Persahabatan lain yang menjadi teladan dalam kisah ini juga menceritakan konsep sahabat tidak mengira umur, bangsa, agama dan warna kulit. Sebagai contoh, Upin dan Ipin di dalam kelompok mereka berkawan dengan berlainan agama. Seperti mana watak Mei Mei yang boleh dilihat mewakili kaum Cina manakala watak Jarjit mewakili kaum India. Persahabatan bukan sahaja boleh dibina mengikut kaum yang sama sahaja malahan ia boleh diwujudkan dengan sesi perkenalan mengikut faktor persekitaran kanak-kanak. Selain itu, watak Upin dan Ipin menunjukkan mereka bersahabat dengan Mat Jenin juga boleh mempengaruhi kanak-kanak untuk berani berbicara dengan golongan yang lebih tua daripada mereka. Kanak-kanak juga boleh belajar bercakap dengan lebih fasih lagi dan mampu meningkatkan kematangan psikologi mereka dengan lebih baik. Jelaslah kanak-kanak seusia 12 tahun ke atas mampu berfikir untuk memilih kawan-kawan yang baik dan mengajak mereka melakukan perkara-perkara yang bermanfaat.

#### **4.7.7 Konsep Pembentukan Kendiri**

Kendiri diistilahkan sebagai kefahaman konseptual dan mental yang dimiliki oleh seseorang mengenai kewujudannya iaitu erti kata lain segala pemahaman dan ilmu tentang dirinya sendiri. Konsep kendiri merupakan suatu penerimaan seseorang terhadap dirinya sendiri dengan mengambil kira faktor pembentukan pengaruh penerimaan itu. Antara perkara yang dapat meliputi aspek secara menyeluruh seperti fizikal, psikologi, dan sosial yang mampu dipengaruhi oleh sikap, kepercayaan dan pemikiran individu tersebut. Dalam pada itu, faktor persekitaran juga boleh mempengaruhi pembentukan kendiri seseorang secara individu, ahli keluarga, rakan-rakan dan masyarakat.

Konsep kendiri jelas menyifatkan seseorang itu mampu berusaha di atas kaki sendiri tanpa mengharapkan bantuan maupun pertolongan daripada sesiapa pun.

Kemahiran kendiri merupakan salah satu daripada ilmu kemahiran hidup yang wajib ada dalam diri kita. Menurut Abdul Rahman Md. Ariff (1993), beliau mengungkapkan kata kendiri sama seperti berdikari memperlihatkan individu itu mampu mengembangkan kebolehan dirinya dengan kaedah yang lebih positif. Maka, konsep kendiri ini adalah satu cara hidup yang perlu ada dalam diri manusia tidak kira dari segi jantina, umur maupun status kerana ia jelas dapat mengajarkan kepada kita erti sebuah kesusahan dan kepayahan di atas usaha sendiri yang dilakukan.



Gambar 9 : Konsep Pembentukan Kendiri

Pak Belalang : Belalang, jaga budak yang pegang keris tu! Dan cari Nakhoda Ragam! Mmph..

Kraakkk! Bunyi pintu terbuka

Belalang : Hmm..

Susanti : Wahhh... kat mana ni?

Belalang : Di sini keluarnya... Nakhoda Ragam mesti ada di sini.

(LES' COPAQUE, 2021)

Dialog di atas memperjelaskan bahawa setiap watak yang ada di dalam kisah Upin dan Ipin Keris Siamang Tunggal mempamerkan mereka memiliki sifat

kendiri. Boleh dilihat melalui watak Belalang yang merupakan seorang anak yang kecil mampu menjaga dirinya sendiri. Belalang juga digambarkan sebagai watak yang mempunyai kebolehan dalam melakukan sesuatu perkara. Dalam konteks ini, kisah ini sesuai dijadikan bahan bacaan kepada kanak-kanak. Hal ini dikatakan demikian kerana usia kanak-kanak yang sesuai dalam pembentukan kendiri ini lebih terarah kepada kelas umur peringkat Operasi Formal iaitu 12 tahun. Umur 12 tahun adalah usia yang relevan dan ia juga dikatakan kemuncak dalam kelas umur untuk kanak-kanak mampu berfikir secara luas.

Pembentukan kendiri yang dipamerkan oleh mereka ini sejajar dengan kajian yang dilakukan dalam mengetahui tahap psikologi. Dengan membaca komik Upin dan Ipin Keris Siamang Tunggal ada menunjukkan teks-teks seperti Pak Belalang menyuruh anaknya Belalang untuk menjaga Upin dan juga simpan keris sakti itu baik-baik daripada orang jahat. Belalang juga mudah mendengar kata dan suruhan di mana bapaknya Pak Belalang menaruh harapan kepadanya untuk pergi melarikan diri serta berusaha mencari seorang yang bernama Nakhoda Ragam. Menerusi teks itu, ia membolehkan daya pemikiran kanak-kanak khususnya berumur 12 tahun boleh mengikuti apa yang dipertonjolkan oleh Belalang dalam menghadapi liku-liku kehidupan.

#### **4.7.8 Sikap Amanah Dalam Melaksanakan Tugas**

Amanah merupakan salah satu perbuatan yang mulia yang amat wajar dipupuk oleh setiap manusia. Menerusi sikap amanah yang dipegang mungkin akan dapat memudahkan urusan sebilangan pihak tanpa kita sedari. Menurut Kamus Dewan Perdana (2021), makna yang umum tentang perkataan amanah adalah suatu penjagaan hak dengan melibatkan bantuan dalam bentuk wang ringgit, tenaga,

kepakaran dan kerja-kerja yang memerlukan bantuan agar sedikit sebanyak mampu meringankan beban mereka yang memerlukan.

Menurut Hashim Musa. (2008), mengatakan sikap amanah seharusnya perlu dipupuk kepada anak-anak sejak kecil lagi. Hal ini dikatakan demikian kerana amalan dalam bekerja di antara kita dilihat semakin kurang dan membimbangkan sejak kebelakangan ini terutamanya dalam keadaan yang tegang seperti ketidakjujuran dalam melaksanakan sesuatu pekerjaan. Maka kita hendaklah terus menghulurkan sepenuh tenaga dengan mewujudkan nilai integriti dalam bekerja agar diberkati pekerjaan dan tugas-tugas yang diberikan boleh dilaksanakan dengan proaktif..



**Gambar 10 :** Sikap Amanah Dalam Melaksanakan Tugas

Belalang : Jangan takut, aku sahabat kau berdua,. Aku akan tolong.

Nakhoda Ragam : Aku tahu jalan rahsia ke istana Raja

Mat Jenin : Macam mana kau tahu? Hah....?

Nakhoda Ragam : Ergh.. Greeenggg!!! Kapal gah berlayar laju.  
Gambus merdu mengiringi lagu. Akulah Nakhoda Ragam.

Belalang : Nakhoda Ragam? Belalang memang mencari Nakhoda  
Bapak suruh.

Nakhoda Ragam : Oh, ini anaknya Pak Belalang. Jadi, bapa mesti sudah tahu akan kemunculan keris ini.

Mat Jenin : Dua sinar sebagai partanda...hilang gelap, datang cahaya...dua jiwa menjadi pembela..?

Ipin : Apa?

Nakhoda Ragam : Ayuh! Kita ke pulau angan makanan.

(LES' COPAQUE, 2021)

Melalui dialog di atas, Komik Upin dan Ipin Keris Siamang Tunggal sebenarnya mengajarkan kepada kanak-kanak tentang erti menghargai jasa apabila seseorang sudah memberikan pertolongan kepada kita. Dalam petikan di atas watak yang dibawa oleh Nakhoda Ragam yang bertanggungjawab menjaga Mat Jenin yang dikatakan antara keturunan terakhir Raja Ideraloka yang masih hidup sehingga kini. Maka, watak Nakhoda Ragam yang menjadi perlindung kepada Mat Jenin dengan menolong menyelamatkan nyawa dan menjaga keselamatannya. Nakhoda Ragam juga bersumpah dan berjanji terhadap Raja Ideraloka agar menjaga Anakandanya dengan nyawa dia sendiri. Hal ini dikatakan demikian kerana boleh kanak-kanak fahami setiap amanah dan janji perlulah dipegang dengan bersungguh-sungguh.

Kelas peringkat umur yang sesuai dengan memperlihatkan sifat amanah dalam diri kanak-kanak ialah Operasi Formal iaitu usia 12 tahun ke atas. Peringkat perkembangan Pra Operasi merupakan usia kemuncak kanak-kanak dalam mengecapi tahap perkembangan psikologi yang matang. Watak Nakhoda Ragam mengajarkan kepada kanak-kanak tentang nilai amanah dalam sesuatu arahan yang telah diberikan supaya mereka diajarkan kejujuran dalam diri mereka. Sseseorang yang ikhlas akan melakukan tugasnya dengan keringat yang tidak terhingga kepada orang lain agar ia menjadi bukti perjuangan agar sentiasa menjadi contoh dan pedoman khususnya terhadap kanak-kanak.

#### 4.7.9 Memupuk Kerajinan Dalam Diri

Ariffin, N.,: p. 107 (2006), kerajinan merupakan suatu usaha yang dilakukan oleh seseorang dengan ilkhlas ditambah pula adanya semangat yang tekun, cekal, dan berdaya maju dalam pekerjaan. Kerajinan boleh dikatakan perbuatan yang dilaksanakan setiap hari dengan sabar, bersungguh-sungguh, tidak berputus asa, dan sanggup berkorban masa dan tenaga. Kerajinan tidak akan terjadi sekiranya seseorang itu ada sifat malas kerana konsep rajin hendaklah adanya daya usaha yang jitu. Ramai diantara orang yang berjaya di luar sana mempunyai sifat rajin dalam diri mereka.

Sebagai contoh, sifat-sifat peniaga memulakan perniagaan mereka secara kecil-kecilan. Dengan wujudnya sifat yang rajin dan kerja keras semasa menjakankan aktiviti perniagaan mereka akhirnya mampu berjaya menjadi usahawan yang maju dan terkenal. Usaha yang dilakukan setiap hari dan pengorbanan masa tidak akan mengkhianati hasil pada akhirnya. Jika usahawan itu konsisten dengan pekerjaannya serta mengambil kira kerja-kerja sampingan di luar untuk memperoleh keuntungan yang berlipat kali ganda.



**Gambar 11 : Memupuk Kerajinan Dalam Diri**

Tok Dalang : Dah, dah, dah, jangan nak ketawa! Kemas semua yang bersepeh ni. Yang lain jangan usik.

Ipin : Hah?

Kawan – kawan : Upin! Ipin! Sini. Tak habis kemas lagi? Kita nak main?

Ipin : Tolonglah kemas sama-sama!

Mei-Mei : Ya lor..! cepat kemas..boleh cepat – cepat pergi main maa!

(LES' COPAQUE, 2021)

Meneliti dialog diatas menceritakan bahawa Komik Upin dan Ipin Keris Siamang Tunggal memandang serius berkaitan dengan amalan kerajinan yang perlu dididik dan diasah sejak umur kanak-kanak lagi. Dapat kita saksikan ada teks memperlihatkan Upin dan Ipin dan kawan-kawannya membantu antara satu sama lain mengemas serta membersihkan stor di rumah Tok Dalang. Walaupun mereka ternyata ingin bermain selepas menyiapkan kerja- kerja mengemas, tidak dapat dinafikan bahawa sememangnya kanak-kanak jika disuruh melakukan kebaikan pasti mereka akan melakukannya.

Dalam aspek kelas usia boleh dikatakan peringkat Pra Operasi juga amat sesuai dengan melihat kepada kanak-kanak yang berusia 2 hingga 7 tahun mampu mempamerkan kerajinan dengan membantu orang lain yang memerlukan. Pada tahap ini, mereka akan memahami sesuatu keadaan dengan menggunakan mata dan perasaan dalam proses psikologi dengan adanya tindakan yang akan dipertontonkan.

Setiap kanak-kanak yang membaca Komik Upin dan Ipin Keris Siamang

Tunggal sudah pasti faham akan makna sebenar kerajinan itu sendiri. Kerajinan

adalah suatu nilai murni mahupun usaha yang dibuat oleh seseorang dengan semangat dalam ketekunan, kecekalan, kegigihan, dedikasi dan bersaing ke hadapan dalam sesuatu perkara secara berterusan. Kerajinan memerlukan sifat rajin yang mempamerkan sifat rajin, terampil dan kreatif dalam proses pencapaiannya. Kerajinan juga seperti gambaran usaha yang bersungguh-sungguh serta bersemangat dalam melakukan sesuatu perkara sehingga selesai dengan penuh sistematik.

#### **4.7.10 Rasa Kasih Sayang**

Kasih sayang merupakan sifat yang cinta yang membawa kepada rasa sayang seseorang kepada orang lain. Menurut Muhardi (1986 : 64) memperkatakan kasih sayang ialah terdiri dari kata *philia* (cinta sesama manusia) merujuk kepada perasaan cinta sesama manusia, baik pada diri mahupun terhadap orang lain. Kasih sayang boleh dibahagikan kepada 4 kelas di mana rasa sayang boleh dicurahkan kepada manusia seperti ahli keluarga kita yang terdekat seperti Ibubapa, adik-beradik serta saudara mara. Hal ini dikatakan demikian kerana hubungan kasih sayang ini memperlihatkan ia sebagai darah daging iaitu seseorang yang amat rapat dalam kehidupan kita.

Kita wajib menyayangi keluarga kita khususnya ibubapa yang dikatakan sebagai faktor kewujudan kita di dunia ini. Mereka bersusah payah membesarakan kita dengan segala tenaga dan pengorbanan dari kita kecil sehingga dewasa. Seterusnya, sifat kasih sayang kita wajib mencerahkan sepenuh tenaga terhadap tuhan yang maha Esa iaitu Allah SWT. Bukti kita agar menunjukkan rasa cinta kepada Allah SWT sebagai manusia hendaklah mentaati segala perintahNya dan menjauhi segala laranganNya. Kita juga perlu mentaati suruhanNya dengan beriman dengan rukun iman serta rukun Islam. Rasa cinta kepada Allah SWT tidak

akan tercapai sekiranya dalam diri kita mempunyai sifat yang tidak ikhlas dalam melakukan ibadah.



**Gambar 12 : Rasa Kasih Sayang**

Upin : Apa yang nenek tu pandang eh?

Mat Jenin : Oh, dia pandang patung bstu anaknya tu. Mak Deruma sumpah dia jadi batu.

Upin : Kenapa?

Mat Jenin : Kerana Si Tanggang anak derhaka! Dia buka gerai ni pun sebab anaknya si Tanggang...suka makan Pisang Salai.

Upin : Nek...? Nenek nak Pisang Salai? Itu anak nenek ya? Macam mana nenek sumpah dia?

Nenek Deruma tiba-tiba menangis isk... isk... isk...

Upin : Nek janganlah sedih...

Mak Deruma : Nenek kesal bertindak terburu-buru tak sabar..

(LES' COPAQUE, 2021)

Menerusi dialog tersebut kasih sayang juga berpunca dari perasaan kita terhadap orang yang kita cintai iaitu antara keluarga, sahabat, dan haiwan serta tumbuh-tumbuhan. Dapat dilihat menerusi watak yang dibawa oleh Upin dan Ipin yang menunjukkan perasaan kasih dan sayangnya terhadap penduduk di bumi Ideraloka. Upin dan Ipin mempamerkan nilai kasih sayang dengan bersama-sama mempertahankan bumi Ideraloka seperti mana mereka menjaga di dunia asalnya. Melalui kelas umur yang sesuai untuk tahap psikologi ini kita boleh memasukkan

elemen tahap Pra Operasi iaitu usia 2 hingga 7 tahun. Usia kanak-kanak dalam kelas Pra operasi dapat dipupuk dalam diri mereka. Hal ini kerana ia adalah proses mereka sudah belajar tentang alam sekeliling dengan merasai sesuatu dengan menggunakan perasaan.

Justeru, melalui kandungan teks bacaan kisah Upin dan Ipin Keris Siamang Tunggal nilai kasih sayang juga boleh dipamerkan menerusi perasaan sayang terhadap binatang dan tumbuh-tumbuhan. Dalam kisah tersebut, ada menyelitkan Mei Mei dan Mail memuji- muji kecantikan sesuatu binatang yang mirip seperti ayam di dunia mereka. Binatang dan tumbuhan merupakan benda hidup sama seperti manusia yang telah diciptakan oleh tuhan untuk mengimbangi ekosistem bumi kita. Kedua-dua kehidupan ini menjadi keperluan bagi manusia dan juga bumi. Tanpa mereka, manusia akan mengalami kelaparan dan kebuluran serta akan berlakunya kepupusan sumber makanan dan minuman.

#### 4.8 Kesimpulan

Berdasarkan keseluruhan hasil daripada analisis yang dijalankan oleh pengkaji, ia menampilkkan hasil yang memuaskan dengan menggunakan Komik Upin dan Ipin Keris Siamang Tunggal dengan bantuan daripada teori psikologi. Keempat-empat kelas usia kanak-kanak iaitu Sensorimotor, Pra-Operasi, Operasi Konkrit dan Operasi Formal menjadi inti kepada keberhasilan impak positif kanak-kanak selepas membaca bahan bacaan tersebut. Tambahan itu, penulis komik Upin dan Ipin Keris Siamang Tunggal banyak menumpukan nilai-nilai murni di dalam hasil karyanya dengan menunjukkan aspek-aspek psikologi kanak-kanak.

## BAB 5

### KESIMPULAN

#### 5.0 Pengenalan

Bab ini merupakan bab terakhir dalam kajian yang dilaksanakan pengkaji. Pengkaji akan merumuskan dapatan kajian yang telah pun dilaksanakan dalam bahagian-bahagian sebelumnya secara ringkas dan lebih terperinci. Dalam pada itu, menerusi bab lima ini pengkaji akan mengemukakan beberapa cadangan yang boleh diambil kira dan wajar untuk dijadikan sebagai refleksi terhadap keseluruhan kajian ini. Selanjutnya, akhir sekali, pengkaji turut memberikan kesimpulan untuk keseluruhan berkaitan dengan kajian ini.

Hal ini dikatakan demikian kerana, masyarakat kini khususnya kanak-kanak telah didedahkan dengan platform pembacaan yang dikenali sebagai komik. Komik merupakan buku yang di dalamnya ada menceritakan plot, tema, latar dan adanya unsur gambar berbentuk verbal dan penggunaan bahasa yang ringkas dan mudah difahami. Kanak-kanak yang berusia sehingga 12 tahun mampu untuk membaca dan memahami selok-belok penceritaan yang dipersembahkan. Dalam melahirkan kanak-kanak yang matang dan berfikiran kritis, kita boleh bermula dari usia seawal 2 tahun sehingga 12 tahun dengan mengajarkan kepada mereka untuk mengenal huruf, memberikan gambaran yang menarik dan mengetahui reaksi mereka dalam melihat komik kanak-kanak.

### 5.1 Kesimpulan Kajian

Berdasarkan analisis yang telah berjaya dilakukan boleh dikenal pasti kajian ini amat penting dan wajar diambil serius mahupun diteruskan kerana melalui kajian ini kita memperoleh manfaat berkaitan dengan aspek-aspek psikologi yang terdapat di dalam bidang Sastera menerusi kajian terhadap Komik Upin dan Ipin Keris Siamang Tunggal yang objektifnya untuk memberikan kesan pemikiran kepada kanak-kanak. Perkara ini boleh dijadikan sebagai nilai tambah dan panduan bagi mendidik masyarakat terutamanya kanak-kanak yang kini kian menjauh daripada amalan membaca buku-buku ilmiah dan menganggap bahawa komik adalah satu penceritaan rekaan semata-mata dan hanya dijadikan dalam platform hiburan untuk mengisi masa lapang tanpa mengambil kira kelebihan dan kepentingan yang terdapat di dalam komik kanak-kanak.

Tidak lupa juga, mereka juga memandang rendah bahawa penceritaan komik berasaskan kanak-kanak iaitu Komik Upin dan Ipin Keris Siamang Tunggal tidak memberikan pengajaran dan ilmu kepada mereka. Oleh hal yang demikian, melalui kajian ini, dapat dibuktikan hasil daripada dapatan kajian telah menemukan tahap ataupun peringkat kelas usia bagi kanak-kanak bagi mengetahui tahap psikologi mereka terhadap pembacaan komik serta disenaraikan sepuluh nilai-nilai murni yang boleh dijadikan pengajaran dan mampu membentuk dan melahirkan keperibadian yang baik sejak usia kanak-kanak.

Selain itu, kajian ini wajar diteruskan kerana kajian ini menekankan 4 tahap kelas usia yang diperkenalkan oleh tokoh Barat yang bernama Jean Piaget berkeaan dengan tahap psikologi kanak- kanak iaitu Tahap Sensorimotor ( 18 - 24 bulan), Tahap Praoperasional ( 2 – 7 tahun), Tahap Operasi Konkrit (7 – 11 tahun) dan diakhiri dengan Tahap Operasi Formal (12 tahun dan ke atas). Seterusnya, untuk menganalisis kajian

tentang aspek-aspek psikologi yang terkandung di dalam komik Upin dan Ipin Keris Siamang Tunggal dengan menggunakan teori psikologi. Hal ini dikatakan demikian kerana melalui teori ini ia menjadi rujukan dan landasan utama dalam kajian bagi mengeluarkan tahap peringkat usia kanak-kanak dan juga diberikan sepuluh nilai-nilai murni yang terkandung di dalam Komik Upin dan Ipin Keris Siamang Tunggal.

Dalam pada itu, nilai-nilai murni yang terdapat di dalam komik tersebut amat dominan dengan penggunaan teori psikologi amat bersesuaian dan kukuh untuk menganalisis aspek-aspek psikologi yang diperkenalkan oleh Jean Piaget untuk digunakan dalam kajian ini. Justeru itu, hasil dapatan kajian mendapati bahawa nilai-nilai murni yang terkandung di dalam Komik Upin dan Ipin Keris Siamang Tunggal dapat dijadikan panduan untuk mendidik kanak-kanak mengikut kisah komik itu. Kanak-kanak boleh belajar mengenai semangat setia kawan dalam kehidupan mereka. Seterusnya, komik ini juga dapat dijadkan iktibar dan panduan kepada pembaca dan pendengar di luar sana terutamanya masyarakat Malaysia. Selanjutnya, nilai-nilai murni dapat menjadi bahan untuk sumber pendidikan awal kanak-kanak.

Hal ini dikatakan demikian kerana, golongan kanak-kanak lebih minat dan cenderung apabila membaca sebuah buku yang ada gambar yang menarik dan penggunaan ayat yang mudah difahami serta jelas. Misalnya dalam kisah ini, terdapat unsur perebutan kuasa terhadap kesaktian Keris Siamang Tunggal yang amat hebat. Dengan itu, komik ini ada memasukkan watak dan perwatakan tentang cerita rakyat seperti Mat Jenin, Pak Belalang, Raja Bersiong, dan juga Mak Deruma. Watak-watak ini diciptakan dengan perwatakan yang menarik dengan membuatkan agar kanak-kanak yang membaca memahami jalan cerita kisah itu. Komik Upin dan Ipin Keris Siamang Tunggal boleh mempengaruhi minda kanak-kanak untuk menunjukkan ransangan dan tindak balas agar mereka mencontohi dan dijadikan panduan dalam kehidupan harian mereka.

Di samping itu, menerusi kajian ini pengkaji menggunakan teori psikologi sebagai deduktif kajian dengan mengambil komik Upin dan Ipin Keris Siamang Tunggal. Teori psikologi diperjelaskan dalam kajian ini kerana ia mempunyai perkaitan rapat dengan sosiobudaya yang wujud dalam kehidupan masyarakat Melayu iaitu dari aspek pemikiran, pertuturan dan juga tingkah laku untuk menunjukkan psikologi kanak-kanak dapat berkesan dengan efektif. Seperti diketahui bahawa teori psikologi yang diperkenalkan oleh tokoh barat yang bernama Jean Piaget ada menyatakan empat kelas kategori usia kanak-kanak dalam psikologi. Dengan itu, memperlihatkan usia kanak-kanak yang dikenali sebagai Sensorimotor, Pra operasi, Operasi Formal dan Operasi Konkrit. Justeru itu, menerusi teks komik Upin dan Ipin Keris Siamang Tunggal ia mampu dijadikan sebagai bahan pembelajaran asas kepada kanak-kanak untuk membentuk keperibadian yang mulia sejak usia kecil lagi.

## 5.2 Cadangan

Menerusi kajian ini beberapa cadangan dikemukakan umtuk pengkaji yang akan datang agar kajian berkaitan dengan aspek-aspek psikologi terhadap kanak-kanak ini dapat menghasilkan natijah yang terbaik. Cadangan-cadangan tersebut ialah:

Kajian ini memggunakan komik Upin dan Ipin Keris Siamang Tunggal yang sebenarnya telah diadaptasikan daripada filem yang dihasilkan oleh syarikat yang dikenali sebagai LES' COPAQUE PRODUCTION S.D.N B.H.D. Pengkaji juga mengharapkan agar kajian psikologi dengan menggunakan komik kanak-kanak perlu diteruskan untuk menjadikan negara kita Malaysia memiliki pengkarya yang kreatif dalam menghasilkan cerita-cerita Kartun yang bermutu dan asli. Sebagai contohnya, kini selain komik Upin dan Ipin terdapat juga komik lain yang boleh menjadi bahan bacaan

kanak-kanak iaitu Komik Animasi Boboiboy dan Komik Animasi Ejen Ali. Oleh itu, untuk kajian yang akan datang juga dicadangkan untuk mengkaji cerita-certa kanak-kanak ini diperbanyakkan lagi dan pihak berkepentingan juga harus cakna dengan usaha bagi memperdalamkan lagi bidang seni kreatif dan hiburan untuk tontonan umum dan sebagai pendidikan. Cerita-cerita kanak-kanak yang ada pada zaman dahulu juga hendaklah diperkenalkan kembali kepada kanak-kanak kini agar mereka mengetahui pada zaman dahulu kita sememangnya memiliki cerita kartun yang menarik.

Cadangan seterusnya ialah pengkaji memberikan saranan kepada pengkaji yang akan datang mengkaji aspek nilai-nilai murni dengan menggunakan teori psikologi mengikut rujukan yang diberikan oleh Jean Piaget. Oleh itu, pengkaji seterusnya disarankan menggunakan teori yang berbeza bagi memperlihatkan kelainan dalam mengkaji kelas peringkat usia kanak-kanak dan nilai-nilai murni seperti yang dibuat oleh pengkaji dengan menggunakan Teori Psikologi kerana teori tersebut dapat dikeluarkan aspek-aspek psikologi dan nilai-nilai murni untuk kanak-kanak dari sudut aktiviti, gaya hidup dan perekitaran mereka. Perkara ini mengungkap bahawa Teori Psikologi ini berkait rapat dengan rutin kegiatan manusia dalam menjalani kehidupan mereka. Hal ini amatlah bersesuaian dengan komik yang dipilih pengkaji iaitu Komik Upin dan Ipin Keris Siamang Tunggal yang mempamerkan kehidupan masyarakat Melayu.

Selanjutnya, kajian ini yang menekankan peringkat kelas usia kanak-kanak dalam menyenaraikan aspek-aspek psikologi dan nilai-nilai murni yang perlu ditampilkan mereka dalam kehidupan seharian. Oleh itu, untuk kajian seterusnya disarankan untuk melakukan kajian dari sudut lain iaitu melakukan kajian berdasarkan unsur intrinsik yang boleh menggambarkan tema, plot, latar, watak, dan gaya bahasa melalui cerita kanak-kanak berjudul Komik Upin dan Ipin Keris Siamang Tunggal. Hal ini dikatakan demikian

kerana, cerita kanak-kanak yang dihasilkan bertujuan mengangkat platform ini agar diketahui dan didorongi oleh seluruh masyarakat Malaysia.

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu melakukan kaedah kepustakaan, carian internet, dan analisis yang dibuat berkaitan dengan keberkesanan Komik Upin dan Ipin Keris Siamang Tunggal dengan menggunakan pendekatan Teori Psikologi. Oleh itu, untuk pengkaji seterusnya disarankan agar melakukan kajian menggunakan kaedah kuantitatif yang mana kaedah ini boleh mengetahui dan mengambil beberapa orang responden terutamanya kepada kanak-kanak itu sendiri terhadap kesan pembacaanya terhadap komik. Di samping itu, Komik Upin dan Ipin Keris Siamang Tunggal merupakan kisah yang agak panjang berbanding kisahnya yang menggunakan kaedah episode mahupun bahagian dalam kisah tersebut. Pengkaji dapat melaksanakan kajian dengan lebih luas kerana pengkaji bukan sahaja memperoleh data daripada sumber internet dan kepustakaan yang memperlihatkan cerita Upin dan Ipin memang sudah dikenali masyarakat akan watak dan perwatakannya yang menarik sesuai dengan tontonan kepada kanak-kanak.

Kajian ini juga hanya dilakukan untuk melihat kesan psikologi yang diperolehi oleh kanak-kanak di dalam Komik Upin dan Ipin Keris Siamang Tunggal. Justeru itu, kepada pengkaji yang seterusnya disarankan untuk mengkaji dengan lebih meluas yang mana tidak tertumpu terhadap watak-watak dalam kisah Upin dan Ipin malah, melihat bagaimana keberkesanan setiap peringkat umur kanak-kanak memberikan nilai-nilai murni kepada mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana, menerusi nilai-nilai murni mahupun aspek-aspek psikologi yang terkandung di dalam Komik Upin dan Ipin Keris Siamang Tunggal mampu mendidik masyarakat khususnya kanak-kanak untuk melahirkan mereka yang bermoral kerana certa kanak-kanak kebiasaanya bukan sahaja

sebagai medium hiburan dalam kehidupan masyarakat tetapi juga boleh memberikan elemen pengajaran dan teladan yang secukupnya.

Oleh hal yang demikian, bagi menjadikan komik sebagai sumber pendidikan dan ilmu kita boleh melaksanakan kempen mahupun program yang berasaskan kepada pembentukan kerohanian untuk golongan kanak-kanak. Dalam pada itu, boleh juga memasukkan aktiviti keagamaan kepada kanak-kanak agar mereka dapat mencontohi perbuatan yang baik dan meninggalkan perkara yang tidak baik. Menerusi kempen dan program kita boleh menggunakan kaedah insiatif untuk melakukan program kesedaran berkaitan kepentingan komik terhadap kanak-kanak melalui pembicaraan forum bersama-sama atau melalui platform dalam talian dengan menggunakan aplikasi *facebook* dan *instagram* sebagai medium khas. Seterusnya, kita juga boleh menghasilkan pertandingan mencipta komik mengikut kesukaan dan kegemaran kanak-kanak dalam berkarya. Perkara ini akan membuatkan kanak-kanak dapat menyerlahkan kreativiti dan kemahiran dalam menghasilkan sesuatu yang amat menakjubkan. Oleh itu, kita dapat melahirkan kanak-kanak yang pemikiran psikologinya berkembang dengan kematangan yang fleksibel.

Sementara itu, pengkaji mencadangkan bahawa aspek-aspek psikologi terhadap manusia yang berunsurkan konsep mitos dan dongeng seharusnya perlu dilakukan kepada teks-teks sastera. Perkara ini memungkinkan golongan muda kini terlalu cenderung untuk mengetahui dengan lebih mendalam berkaitan cerita mitos dan dongeng pada zaman dahulu. Pengkaji melihat setiap karya-karya naratif lisan hendaklah dibukukan agar setiap peristiwa mahupun cerita zaman dahulu tidak akan dilupakan oleh generasi akan datang. Dengan adanya pelbagai karya naratif lisan ini ia boleh dijadikan sumber rujukan masyarakat kini bagi memperluaskan ilmu berkaitan dengan warisan cerita dahulu. Cerita zaman dahulu ini hendaklah dibukukan supaya cerita-cerita menarik ini yang telah

diwariskan oleh nenek moyang kita dilupakan dek perubahan zaman yang semakin berkembang dengan dunia sains dan teknologi. Keunikan dan kelestarian naratif lisan masyarakat Melayu menerusi unsur mitos dan nilai-nilai murni perlu didedahkan dengan lebih meluas jika para sarjana tempatan memberikan fokus yang lebih terhadap penghasilan karya naratif lisan. Maka, unsur mitos dan dongeng ini dapat dijadikan sebagai medium dalam pembentukan akhlak dan teks-teks yang dihasilkan mampu memberikan teguran serta nasihat dan bimbingan kepada pengkaji seterusnya dalam membentuk keperibadian golongan kini.

Secara keseluruhannya, cadangan yang dihuraikan menerusi Komik Upin dan Ipin Keris Siamang Tunggal mempunyai perkaitan rapat dengan hasil kajian iaitu mengetahui tahap psikologi perkembangan kanak-kanak setelah membaca komik tersebut. Teks-teks yang dimasukkan ke dalam komik itu tidak dapat disangkal lagi kerana kandungan penulisannya terdapat perkara-perkara positif yang telah diterapkan melalui pembentukan nilai-nilai murni serta adanya teguran dan cara penyampaian penceritaan komik dalam memastikan pembaca dapat mengetahui dengan lebih mendalam tentang makna tersirat dan tersurat yang ada di dalam Komik Upin dan Ipin Keris Siamang Tunggal.

### 5.3 Penutup

Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa aspek-aspek psikologi yang terkandung di dalam Komik Upin dan Ipin Keris Siamang Tunggal yang ditonjolkan oleh watak-watak yang terdapat dalam cerita tersebut memberi teladan untuk mendidik masyarakat terutamanya kanak-kanak. Di samping itu, watak-watak dalam cerita tersebut mempamerkan sifat yang penuh dengan nilai-nilai murni seperti semangat setia kawan, kasih sayang, rasa belas kasihan, baik hati, tolong – menolong, sifat kendiri, amanah

dalam melakukan tugas, berani, kerajinan dan keadilan. Oleh itu, nilai-nilai murni yang didapati dalam komik ini membawa kesan yang positif kepada masyarakat dan golongan kanak-kanak khususnya dalam objektifnya sebagai medium pengajaran dan panduan dalam kehidupan harian kerana sifat yang ditunjangi dengan perkara-perkara yang baik mampu memberi kebaikan kepada diri sendiri dan juga orang lain. Justeru itu, kisah Komik Upin dan Ipin Keris Siamang Tunggal merupakan cerita animasi yang amat popular kepada kanak-kanak dan sesuati dijadikan sebagai alat pendidikan dengan adanya menunjukkan aspek hiburan bagi memastikan kanak-kanak tidak terlalu bosan akan membaca komik tersebut.

Tuntasnya, menerusi kajian ini juga dapat menarik minat pengkaji lain untuk menjalankan kajian tentang komik kanak-kanak yang belum diketahui oleh masyarakat kerana terdapat pelbagai cerita kanak-kanak yang dijadikan buku bacaan terutamanya cerita yang berasal dari kaum lain iaitu Cina dan India. Kita juga boleh mengumpul seberapa cerita kanak-kanak yang ada di Malaysia untuk dijadikan bahan didikan dan pengajaran sesama masyarakat kerana menerusi kajian ini ia membuktikan bahawa terdapat banyak nilai-nilai murni dan keberkesanannya aspek-aspek psikologi oleh pembaca untuk dicontohi dengan matlamat sebagai rujukan dalam kehidupan.

Nilai-nilai moral dan aspek-aspek psikologi terhadap kanak-kanak yang terkandung di dalam Komik Upin dan Ipin Keris Siamang Tunggal yang dipamerkan perkara yang baik dan buruk boleh dijadikan sebagai pedoman dengan melakukan perilaku yang baik untuk dicontohi manakala perilaku yang jahat pula sebagai amaran keras untuk tidak sesekali melakukan perbuatan yang tidak baik. Melalui kisah ini, memperlihatkan bahawa setiap bangsa yang hebat adalah bangsa yang celik sejarah kerana kita dapat mengetahui sifat-sifat kepahlawanan cerita-cerita rakyat yang dimasukkan di dalam komik Upin dan Ipin Keris Siamang Tunggal agar kanak-kanak

sekarang boleh berfikir dengan lebih jelas dan faham akan kecintaannya dalam memartabatkan lagi semangat patriotisme dalam diri mereka.

Sudah terang lagi bersuluh, aspek-aspek psikologi serta nilai-nilai yang baik terhadap kanak-kanak berjaya digambarkan di dalam Komik Upin dan Ipin Keris Siamang Tunggal memiliki kepelbagaian manfaat yang mampu menjadi teladan bersama serta boleh melahirkan sebuah masyarakat mahupun generasi muda yang akan datang yang ada semangat yang tinggi dengan nilai akhlaknya. Perkara ini penting bagi membentuk sesebuah negara ataupun kepimpinan sesuatu pemerintahan dengan memasukkan aspek-aspek psikologi dan menitikberatkan nilai-nilai murni terhadap setiap masyarakat. Maka, semua pihak haruslah berganding bahu seperti peribahasa melayu kita bagai aur dengan tebing untuk menyemarakkan lagi konsep komik sebagai bahan ilmiah dalam menyampaikan ilmu dan bukan semata-mata hanya sebagai hiburan dan mengisi masa-masa yang terluang. Komik diciptakan objektifnya sama seperti buku iaitu untuk menyampaikan ilmu dan memberikan mesej-mesej serta pengajaran dan ia boleh dikongsikan dan dibaca oleh setiap lapisan masyarakat tidak mengira agama dan bangsa. Bahasa Melayu perlu dijadikan sebagai bahasa rasmi kebangsaan agar Bahasa Melayu tidak pupus dan dikenalkan sehingga ke generasi akan datang kelak.

## RUJUKAN

- Ali, A., & Mahamod, Z. (2017). *Analisis keperluan terhadap pengguna sasaran modul pendekatan berasaskan bermain bagi pengajaran dan pembelajaran kemahiran bahasa kanak-kanak prasekolah*. juku: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik, 3(1), 1-8.
- Azman Yusoff & Muhammad Ismail Abdullah, (2017). *Adab unggul islam dalam persahabatan antara Islam*. Malaysian Online Journal of Education. 1 (2), 102-112.
- Azman, F. N., Zaibon, S. B., & Shiratuddin, N. (2015). *Pembangunan komik pendidikan sebagai solusi kepada stigma sosial pembaca malaysia: isu, elemen dan implikasi*. International Journal of Creative Future and Heritage, 3(2), 85-98.
- Azman, F. N., Zaibon, S. B., & Shiratuddin, N. (2015). *Teknik persembahan elemen pendidikan: perbandingan antara komik umum dan komik pendidikan*.
- Basir, J. M. (2020). *Kesediaan global kanak-kanak prasekolah*.
- Baskoro, G. W., & Ridwan, M. (2017). Peningkatan kualitas pendidikan anak dengan pembangunan komik elektronik. ikraith-informatika, 1(2), 24-29.
- Busairi, M. (2022). *Gaya bahasa sindiran dalam instagram komik kita: kajian stilistika*. MABASAN, 16(2), 227-242.
- Dahlan, H. A. (2014). *Komik sebagai alat pencetus sifat inkuiiri di Malaysia*. In The 4th International Conference on Learner Diversity (ICELD 2014).
- Darisman, E. K., Prasetiyo, R., & Bayu, W. I. (2021). *Belajar psikologi olahraga sebuah teori dan aplikasi dalam olahraga*. Jakad Media Publishing.
- Ghazali, M. N. A. H. M. (2020). *Nilai – nilai Islam dan pembentukan akhlak dalam cerita rakyat Melayu*. International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL).
- Gufron, M. N., & Risnawita, R. (2016). *Teori-Teori Psikologi*, Yogyakarta: Ar-Ruzz Media.

- Handika, H. H., Zubaidah, T., & Witarsa, R. (2022). *Analisis teori perkembangan Kognitif Jean Piaget dan implikasinya dalam Pembelajaran Matematika di Sekolah Dasar*. Didaktis: Jurnal Pendidikan dan Ilmu Pengetahuan, 22(2), 124-140.
- Hashim Musa. (2008). *Hati budi Melayu : Pengukuhan menghadapi cabaran abad ke-21*. Selangor, Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Helmi, A. F. (1999). *Beberapa teori psikologi lingkungan*. Buletin Psikologi, 7(2).
- Herdyastika, M., & Kurniawan, M. (2020). *Analisis perbandingan implementasi metode pembelajaran Bahasa Inggris inovatif di taman kanak-kanak*. Jurnal Obsesi: Jurnal Pendidikan Anak Usia Dini, 5(2), 1585-1593.
- Ibda, F. (2015). *Perkembangan kognitif: teori Jean Piaget*. Intelektualita, 3(1).
- Isa, Z. M., Mustafa, M. C., Shamsudin, I. D., Bacotang, J., & Piragasan, G. A. G. (2021). *Aktiviti sokongan bagi perkembangan bahasa dan komunikasi kanak-kanak: Support activities for development of child language and communication*. Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan, 10(2), 27-34.
- Ita, E., & Wewe, M. (2020). *Analisis perkembangan kemampuan bahasa anak kelompok a taman kanak-kanak*. Al-Athfaal: Jurnal Ilmiah Pendidikan Anak Usia Dini, 3(2), 174-186.
- Jaarvis, M. (2019). *Teori-teori psikologi: Pendekatan modern untuk memahami perilaku, perasaan, dan pikiran manusia*. Nusamedia.
- Jaffar, S. R. A. (2013). *Nilai-Nilai murni dalam Komik Upin dan Ipin suatu gambaran Kebudayaan Melayu* (Doctoral dissertation, Tesis Sarjana Muda, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Selangor).
- Kamus Dewan, (2017) : Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan*. (2016), Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Karima, R. F. (2018). *Peran Animasi Upin & Ipin sebagai diplomasi publik Malaysia terhadap Indonesia*. Universitas Muhammadiyah Yogyakarta.
- M Syaifurriza, N., & Aditya, R. Y. (2014). *Komik Hadis pokok ajaran Islam*. Createvitas: Jurnal Ilmiah Desain Komunikasi Visual, 3(1), 57.

- Mahdi, M. S., Yunos, Y., & Yusoff, M. Y. M. (2020). *Penerimaan belajar terhadap animasi Upin & Ipin sebagai alat bantu mengajar.* JURNAL MELAYU SEDUNIA, 3(1), 48-78.
- Mahmor, M., & Bakar, K. A. (2021). *Kesan intervensi terhadap tingkah laku disruptif dalam kalangan kanak-kanak Prasekolah.* Jurnal Dunia Pendidikan, 3(1), 442-453.
- Mahmor, N. A., & Hashim, N. (2015). *Citra wanita Melayu dalam cerita animasi kanak-kanak Upin dan Ipin.* Journal of Education and Social Sciences, 2(Oct), 137-149.
- Mahmudah, S. (2011). *Psikologi sosial: Teori dan model penelitian*
- Mamat, R., Abd Rahim, N., AFFENDI, N. R. N. M., & RASHID, R. A. (2019). *Perkembangan komik dan animasi: Satu kajian perbandingan antara Melayu dan Jepun.* Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication, 35(2), 260-276.
- Mamat, R., Abd Rahim, N., AFFENDI, N. R. N. M., & RASHID, R. A. (2019). *Perkembangan komik dan animasi: Satu kajian perbandingan antara Melayu dan Jepun.* Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication, 35(2), 260-276.
- Marinda, L. (2020). *Teori perkembangan kognitif Jean Piaget dan problematikanya pada anak usia sekolah dasar.* An-Nisa': Journal of Gender Studies, 13(1), 116-152.
- Mohammad, W. M. R. W., & Subramaniam, V. (2014). *Daya kreativiti kanak-kanak: Satu kajian kes.* Procedia-Social and Behavioral Sciences, 134, 436-445.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah. (2018), *Penerapan konsep menjana minda melalui Falsafah Pendidikan Kebangsaan terhadap masyarakat Melayu dalam Cerita Rakyat Melayu.* International Journal of Creative Futures and Heritage (IJCFH). 5 (2), 91 – 97.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim. (2016). *Nilai baik hati menerusi cerita rakyat Melayu terhadap masyarakat Melayu suatu aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu.* Journal of Business and Social Development. 4 (2), 48 – 57.
- Mohd Firdaus Che Yaacob (2015). *Seuntai nilai-nilai murni dalam Seuntai Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia.* Tesis Ijazah Master Sastera. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Universiti Putra Malaysia.

- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2021). *Nilai-nilai murni dalam Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu Kelantan : Satu Penelitian Pengkaedahan Melayu*. Penerbit UMK.
- Muhardi. (1986). “*Homo Humanus*:. Padang : Jurusan Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia fpbs ikip Padang.
- Mujib, A. (2017). *Teori kepribadian perspektif psikologi Islam*.
- Mu'min, S. A. (2013). *Teori perkembangan kognitif jean piaget*. *Al-TA'DIB: Jurnal Kajian Ilmu Kependidikan*, 6(1), 89-99.
- Mustafidah, A. (2021). *Analisis film kartun Upin Ipin sebagai media pendidikan dalam menanamkan nilai-nilai afektif pada anak di pendidikan anak usia dini (Paud/Kb) Al Munawwarah* (Doctoral dissertation, INSTITUT AGAMA ISLAM NEGERI MADURA).
- Nabila, N. (2021). *Konsep Pembelajaran Matematika SD berdasarkan teori kognitif Jean Piaget*. JKPD (Jurnal Kajian Pendidikan Dasar), 6(1), 69-79.
- Nast, T. P. J., & Yarni, N. (2019). *Teori belajar menurut aliran psikologi Humanistik dan implikasinya dalam pembelajaran*. Jurnal Review Pendidikan dan Pengajaran (JRPP), 2(2), 270-275.
- Nee, L. F., bin Sharaai, A. H., Sekitar, J. P. A., & Sekitar, F. P. A. (2012). *Penggunaan Strip Komik bagi meningkatkan pencapaian murid dalam topik kitaran air tahun 5*.
- Nee, L. F., bin Sharaai, A. H., Sekitar, J. P. A., & Sekitar, F. P. A. (2012). *Penggunaan strip komik bagi meningkatkan pencapaian murid dalam topik kitaran air tahun 5*.
- Nuryati, N., & Darsinah, D. (2021). *Implementasi teori perkembangan kognitif jean piaget dalam pembelajaran matematika di sekolah dasar*. *Jurnal Papeda: Jurnal Publikasi Pendidikan Dasar*, 3(2), 153-162.
- Ompok, C. C., & Tapoi, V. *kefahaman konservasi kanak-kanak pada peringkat praoperasi*. in seminar penyelidikan pendidikan kebangsaan (ZON SABAH & SARAWAK) (p. 1).

- Othman, M. K. (2014). *Hubungan penerapan nilai murni dalam pengajaran Bahasa Melayu dengan penghayatan nilai murni pelajar*. *Journal of Human Development and Communication (JoHDEC)*, 3(S), 81-92.
- Peng, C. F., & Nadaraja, S. (2016). *Pelaksanaan kemahiran berfikir kreatif dan kritis dalam pengajaran dan pembelajaran komsas di sekolah menengah*. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4(2), 10-24.
- Pratisti, W. D., & Yuwono, S. (2018). *Psikologi eksperimen: konsep, teori, dan aplikasi*. Muhammadiyah University Press.
- Rahma, U., & Dara, Y. P. (2017). *Psikologi pendidikan: aplikasi teori di Indonesia*. Universitas Brawijaya Press.
- Rahman, Y. A., & Rahman, R. (2019). *Teori belajar kognitif membedah psikologi belajar Jean Piaget*. *Tsaqofah: Jurnal Pendidikan Islam*, 3(2), 1-10.
- Rajendran, N. S. (2001). *Amalan berdaya fikir pengajaran pembelajaran Bahasa Melayu dalam bilik darjah*. Konvensyen Pendidikan Ke-10.
- Rozak, P . (2017). *Indikator tawadhu dalam keseharian*. *Madaniyah*, 7(1), 174-187.
- Seruni, P. I. P. P., & Islam, M. A. (2023). *Sisik melik ekspektasi gender: karakter abang salleh pada tv series Upin & Ipin*. barik, 4(3), 13-28.
- Soedarso, N. (2015). *Komik: karya sastra bergambar*. *Humaniora*, 6(4), 496-506.
- Sudirjo, E., & Alif, M. N. (2018). *Pertumbuhan dan perkembangan motorik: konsep perkembangan dan pertumbuhan fisik dan gerak manusia*. UPI Sumedang Press.
- Tabi'in, A. (2017). *Menumbuhkan sikap peduli pada anak melalui interaksi kegiatan sosial*. *IJTIMAIYA: Journal of Social Science Teaching*, 1(1).
- Wahyuni, T., Uswatun, N., & Fauziati, E. (2023). *Merdeka belajar dalam perspektif teori belajar Kognitivisme Jean Piaget*. *TSAQOFAH*, 3(1), 129-139.

Wan Marzuki Wan Mohd Noor (2010), *Analisis prosa klasik “Kepimpinan melalui teladan” berdasarkan prinsip kepimpinan*. *Malay Literature*. 32 (1) : 37 – 70.

Watson, J. B. (1919). *Psychology: From the standpoint of a behaviorist*. JB Lippincott.

Yahaya, A., & Razab, W. N. W. (2010). *Konsep dan sejarah perkembangan psikologi psikologi pendidikan*. Universiti Teknologi Malaysia, 1-5.

Yahya, A. D. (2018). *Konsep perkembangan kognitif perspektif Al-Ghazali dan Jean Piaget*. *KONSELI: Jurnal Bimbingan Dan Konseling*, 5(2), 97-104.